



● BIL 265 ● 7 - 13 JUN 2024 ● PP19441/12/2018 (035014)

ILAYAHKU

www.wilayahku.com.my



26,500 PELUANG KERJA

Hidup tak seindah
drama pukul tujuh
➤➤ 8

Anxiety! Trauma!
Depresi!
➤➤ 9-11

Novel Papadom sangat
sentimental
➤➤ 16

Beri perhatian serius isu wang persaraan

Perbanyakkan simpanan demi masa tua

SYED HAZIQUE

NEGARA Malaysia sememangnya mengalami peralihan demografi ke arah penduduk yang lebih tua. Fenomena ini disebabkan oleh pelbagai faktor seperti penjagaan kesihatan yang lebih baik membawa kepada jangka hayat yang lebih lama, penurunan kadar kelahiran dan perubahan corak gaya hidup.

Akibatnya, negara menghadapi cabaran berkaitan perkhidmatan penjagaan kesihatan, sistem pencen dan produktiviti tenaga kerja.

Kerajaan bersama pihak-pihak yang berkaitan sedang giat menangani isu-isu ini untuk memastikan kesejahteraan penduduk yang semakin tua.

Dekan Fakulti Ekologi Manusia Universiti Putra Malaysia (UPM), **Profesor Dr Mohamad Fazli Sabri** berkata semua pihak terutamanya orang ramai harus memandang serius dengan isu pencen atau wang persaraan negara.

“Isu pencen atau wang simpanan persaraan ini adalah bukan isu baharu, malah ia sudah banyak kali dibincangkan sama seperti isu kos sara hidup.

“Bila kerajaan sering kali *highlight* maka ia adalah satu isu besar yang harus menjadi perhatian semua pihak,” katanya ketika dihubungi.

Terdahulu, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menyatakan hanya 29 peratus rakyat Malaysia mempunyai pencen atau pendapatan seperti pencen apabila bersara.

Pada masa sama, Anwar berkata data Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) menunjukkan



ANWAR (tengah) ketika merasmikan 2024 anjuran KWSP baru-baru ini.

satu daripada empat pencarum telah menghabiskan simpanan KWSP mereka dalam tempoh lima tahun selepas mencapai umur pengeluaran.

Menurut Perdana Menteri, tinjauan baru-baru ini juga mendapati 26.1 peratus daripada responden berumur 60 tahun ke atas akan terus bekerja sehingga kesihatan mereka tidak mengizinkan untuk bekerja.

“Ini adalah kerana mereka menghadapi cabaran dalam mencapai jaminan pendapatan

untuk membiayai keperluan persaraan mereka. Justeru itu kita perlu aktif mencari pembaharuan dalam rangka kerja pencen bagi memastikan setiap generasi akan dapat melihat ke hadapan untuk menjadi tua dengan martabat.

“Penyelesaian baru diperlukan untuk memastikan tiada sesiapa yang ketinggalan di belakang dan setiap lapisan masyarakat mendapat manfaat daripada perlindungan sosial.

“KWSP perlu memperluaskan perlindungan mereka secara

berperingkat supaya lebih ramai penduduk bekerja akan menjadi sebahagian daripada ekosistem KWSP, sekali gus dapat memastikan lebih ramai rakyat mampu mengumpul simpanan persaraan yang mencukupi,” katanya.

Beliau berkata demikian semasa merasmikan Persidangan Kesejahteraan Sosial Antarabangsa (ISWC) 2024 anjuran KWSP baru-baru ini.

Sementara itu menurut Mohamad Fazli, angka hanya 29 peratus rakyat Malaysia mempunyai pencen atau pendapatan seperti pencen adalah perkara yang membimbangkan.

“Ia satu angka yang sangat membimbangkan, bagaimana rakyat atau warga tua mahu menjana pendapatan, mahu punyai kewangan.

“Peningkatan kos sara hidup akan sentiasa berlaku, natijahnya bila menjelang tua kesihatan juga makin merosot, memerlukan kos perubatan, ini juga akan menambahkan lagi kos-kos perbelanjaan.

“Oleh itu angka punyai persaraan itu adalah sesuatu yang menggusarkan dan perlu diberi perhatian oleh semua pihak,” jelasnya.

Walau bagaimanapun, tegas beliau, terdapat pelbagai langkah proaktif yang boleh diambil masyarakat bagi memastikan keselesaan di masa tua kelak.

Mohamad Fazli berkata antaranya seperti anak-anak muda untuk terus menabung dan jangan berbelanja berlebihan yang mengakibatkan menanggung bebanan kewangan di masa hadapan.

“Amalan menabung adalah satu amalan yang sangat baik, biarpun nilainya sedikit namun, lama-lama akan jadi bukit jua.

“Selain itu, boleh kembangkan juga wang dengan pelaburan seperti Unit Trust, emas dan macam-macam lagi selagi ia tidak mengganggu atau menyukarkan bebanan kewangan selain daripada wang persaraan KWSP.

“Berbelanja mengikut kemampuan diri, fikirkanlah untuk masa hadapan, banyak manfaat yang diperoleh dengan budaya menyimpan atau menabung sebagai kegunaan kecemasan dan masa hadapan,” tegasnya.



MOHAMAD FAZLI

Kerajaan tumpu ekonomi perak hadapi negara menua

PERDANA Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mahu Malaysia menumpukan kepada ekonomi perak (*silver economy*) dalam menghadapi populasi lanjut usia yang semakin meningkat.

Menurut Perdana Menteri, syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC) seperti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Khazanah Nasional Bhd dan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP) telah menerajui pelaburan dalam usaha niaga yang disasarkan membangunkan *silver economy* di Malaysia.

Justeru itu, katanya pembangunan teknologi negara juga akan mengutamakan pelaburan dalam sektor kritikal seperti penjagaan kesihatan.

“Dalam menghadapi populasi warga tua yang semakin meningkat, kita perlu memberi keutamaan pelaburan dalam ekonomi perak.

“Ia adalah untuk membina infrastruktur dan mencetuskan inovasi dalam bidang seperti teknologi seperti kecerdasan buatan (AI) dan robotik bagi membolehkan penuaan yang sihat dan aktif,” katanya.

Beliau berkata demikian pada Persidangan Kesejahteraan Sosial Antarabangsa KWSP 2024, baru-baru ini.

Tambahnya, Malaysia juga mesti mengutamakan pelaburan dalam sektor kritikal seperti penjagaan kesihatan, farmaseutikal dan infrastruktur kondusif kepada penuaan aktif.

Jelas beliau ketersediaan kepada peranti teknologi membantu meningkatkan kualiti gaya hidup dalam menjalani kehidupan persaraan yang lebih sihat.

“Dengan memperuntukkan sumber ke arah perkara itu, Malaysia boleh meletakkan dirinya untuk memanfaatkan potensi

pasaran yang berkembang pesat, dianggarkan bernilai AS\$15 trilion.

“Perkara ini didorong oleh keperluan dan keutamaan asas pengguna yang semakin tua. Pelaburan sedemikian bukan saja menjanjikan pulangan yang besar tetapi juga menggariskan komitmen Malaysia untuk memastikan kesejahteraan dan kualiti kehidupan penduduk yang semakin tua sambil memupuk pertumbuhan ekonomi yang mampan untuk negara.

“Pelaburan ini tidak hanya menjanjikan pulangan besar, bahkan sejajar komitmen Malaysia dalam memastikan kesejahteraan dan kualiti hidup populasi menua serta memupuk pertumbuhan ekonomi mampan kepada negara,” jelasnya.

Sementara itu, Pengerusi KWSP, Tan Sri Ahmad Badri Mohd Zahir berkata menjelang 2060, Malaysia dijangka akan mempunyai tiga orang dewasa umur bekerja bagi

setiap warga emas berbanding 10 orang dewasa umur bekerja bagi setiap warga emas pada 2020.

“Walaupun peningkatan jangka hayat satu penanda kemajuan sesebuah negara, perubahan demografi ini juga akan menimbulkan cabaran kepada masyarakat Malaysia khususnya dalam bidang penjagaan kesihatan, kemudahan penjagaan warga emas dan jaminan pendapatan persaraan.

“Antara cabaran utama ialah perubahan landskap pekerjaan di negara ini yang semakin menjurus ke arah pekerjaan tidak formal seperti pekerja gig dan golongan bekerja sendiri.

“Segmen yang semakin berkembang ini terdiri daripada hampir empat juta pekerja dan berhadapan dengan risiko yang lebih tinggi untuk jatuh ke dalam kemiskinan pada usia tua akibat daripada ketiadaan liputan program pencen dan persaraan

rasmi,” katanya.

Oleh itu, menurut beliau, kerajaan membantu dan meningkatkan simpanan persaraan sektor tidak formal melalui program i-Saraan dengan menggalakkan caruman sukarela kepada KWSP.

“KWSP sedang meneroka inovasi yang boleh diaplikasi ke atas skim KWSP bagi memberikan perlindungan persaraan yang lebih baik kepada sektor tidak formal.

“Antaranya seperti penstrukturan semula akaun KWSP pada fasa pengumpulan simpanan yang memabitkan semua ahli bawah umur 55 tahun yang memberikan fleksibiliti kepada semua ahli.

“Pendekatan ini membolehkan mereka menyimpan untuk persaraan dan pada masa yang sama, mempunyai akses kepada simpanan sekiranya berlaku kecemasan,” katanya.

Pelaburan Google bawa kesan berganda sekitar RM15.04 bilion

Malaysia kembali gah di mata dunia

SYED HAZIQUE

PELABURAN memainkan peranan penting dalam membentuk landskap ekonomi Malaysia, memacu pertumbuhan, inovasi dan peluang pekerjaan. Negara telah proaktif dalam menarik pelbagai pelaburan merentasi pelbagai sektor untuk meningkatkan daya saing dan pembangunan mampan.

Memandang ke hadapan, Malaysia terus menarik pelaburan, memupuk inovasi, dan menggalakkan persekitaran perniagaan yang kondusif untuk memacu pertumbuhan ekonomi dan kemakmuran negara.

Dengan memanfaatkan peluang pelaburan yang pelbagai, menerima transformasi digital, dan memupuk amalan mampan, Malaysia meletakkan diri sebagai destinasi menarik untuk pelabur tempatan dan asing yang mencari pertumbuhan dan kejayaan jangka panjang.

Baru-baru ini media melaporkan, syarikat teknologi utama dunia Google menyatakan komitmen untuk melabur sebanyak RM9.4 bilion (AS\$2 bilion) untuk mewujudkan pusat data pertama dan wilayah Google Cloud di Malaysia dengan *Elmina Business Park* milik Sime Darby Property Bhd.

Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) dalam satu kenyataan berkata komitmen pelaburan baharu Google itu dijangka menyokong 26,500 pekerjaan merentasi pelbagai sektor di Malaysia termasuk penjagaan kesihatan, pendidikan dan kewangan dengan jumlah impak ekonomi bernilai RM15.04 bilion (AS\$3.2 bilion).

Wilayah Google Cloud di Malaysia akan menyertai 40 wilayah dan 121 zon yang kini beroperasi di seluruh dunia bagi memenuhi permintaan yang semakin meningkat terhadap



PELABURAN Google di negara ini mampu mewujudkan sebanyak 26,500 peluang pekerjaan. - Gambar hiasan

perkhidmatan awan di peringkat tempatan dan global, selain program celik AI (kecerdasan buatan) untuk pelajar serta pendidik Malaysia.

Ketua Pakar Ekonomi di Bank Muamalat Malaysia Sdn Bhd, **Dr Mohd Afzanizam Abdul Rashid** berkata pelabur asing kini menunjukkan minat yang ketara untuk melabur di Malaysia.

"Kita boleh lihat, banyak pelabur antarabangsa berminat untuk melabur dalam negara sekali gus menunjukkan bahawa Malaysia sebagai institusi pelaburan yang menarik di mata dunia."

"Negara-negara Eropah serta syarikat-syarikat gergasi antarabangsa banyak yang sudah melakukan pelaburan di

Malaysia menjadikan petanda bahawa keyakinan mereka dengan kekuatan ekonomi negara," katanya, ketika dihubungi.

Menurut Mohd Afzanizam pelbagai faktor penting seperti polisi negara, keadaan infra dan perkembangan pembangunan negara menarik minat pelabur asing untuk melabur selain daripada keuntungan.

"Bila soal melabur semestinya soal keuntungan menjadi peranan

penting, secara tidak langsung pelabur-pelabur yakin dengan kemampuan ekonomi negara yang mampu beri mereka keuntungan selain kekuatan kerajaan pimpinan Datuk Seri Anwar Ibrahim.

"Selain itu polisi negara yang pro perniagaan, pro pelaburan, dengan keadaan infra yang baik seperti bekalan elektrik jalan raya yang luas malah sistem telekomunikasi dan teknologi juga memainkan peranan penting di dalam mengembangkan industri pelaburan negara."

"Faktor-faktor tersebut mungkin antara sebab pelabur-pelabur antarabangsa mahu membina tapak di negara di mana mereka yakin dengan hala tuju pembangunan di sini," ujarnya.

Tambah beliau, kebaikan kedatangan pelaburan asing bukan sahaja menguat dan mengembangkan ekonomi negara malah membuka lembaran peluang pekerjaan serta sektor baharu di masa hadapan.

"Sebagai contoh syarikat teknologi utama dunia, Google yang melakukan pelaburan di negara mampu membawa kesan berganda kepada ekonomi Malaysia sekitar RM15.04 bilion (AS\$3.2

bilion) dan pewujudan sebanyak 26,500 pekerjaan.

"Ia juga meletakkan Malaysia sebagai antara negara utama dalam penggunaan dan perkhidmatan sokongan bagi perkhidmatan berteraskan teknologi digital," katanya.

Sebelum ini, media melaporkan, kunjungan Anwar ke Asia Tengah berjaya menjana potensi pelaburan dan perdagangan sekurang-kurangnya berjumlah lebih RM2.1 bilion.

Penganalisis Ekonomi Putra Business School, Universiti Putra Malaysia (UPM), **Profesor Madya Dr Ahmed Razman Abd Latiff** berkata ia satu perkara positif daripada segi rangkaian dagangan negara.

Menurut Ahmed Razman, dapat dilihat kerajaan sekarang tidak terlalu menumpukan rakan dagangan utama bagi mengelakkan atau menjejaskan industri dagangan negara.

"Strategi yang diambil kerajaan, kalau diperhati negara tidak terlalu tertumpu kepada rakan dagangan utama seperti Amerika Syarikat (AS), China serta Singapura untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara."

"Pendekatan yang digunakan

ini, adalah satu langkah bijak dalam memastikan negara tidak terlalu terkesan jika berlakunya kemelesetan ekonomi yang teruk.

"Dalam masa sama, pelbagai pelaburan yang negara terokai bagi mengembalikan kekuatan ekonomi negara ke tahap yang lebih baik," katanya ketika dihubungi.

Tambah Ahmed Razman, Perdana Menteri juga berkarisma dalam memastikan negara Malaysia terus perkukuh hubungan dagangan atau dua hala demi membaik pulih pendapatan negara.

"Pasaran dagangan kita akan lebih diversify dengan kemasukan pelabur-pelabur asing dari pelbagai negara."

"Justeru itu, kesan jangka panjang kepada negara akan menjadi lebih baik kerana negara mempunyai sumber dagangan yang lebih banyak berbanding tumpu kepada beberapa negara besar," ujarnya.

Ahmed Razman turut memberitahu pertumbuhan perdagangan Malaysia sebanyak dua digit pada April lalu juga menunjukkan keyakinan pelabur-pelabur asing kepada ekonomi Malaysia.

"Perdagangan Malaysia merekodkan pertumbuhan dua digit sebanyak 12.1 peratus tahun ke tahun kepada RM221.74 bilion pada April lalu, sejajar dengan pemulihan perdagangan global."

"Eksport naik 9.1 peratus kepada RM114.72 bilion setelah mencatatkan penyusutan dua bulan berturut-turut, manakala import meningkat 15.6 peratus kepada RM107.02 bilion, bagi bulan yang ke-48 berturut-turut sejak Mei 2020, Malaysia telah mencatatkan lebihan dagangan, kali ini berjumlah RM7.7 bilion."

"Walau pelbagai faktor peningkatan seperti pemulihan perdagangan global namun jika lebih banyak hubungan dagangan yang terjalin ia sekali gus mampu meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara," katanya.

Rakyat puas hati perkembangan ekonomi negara

PELABUR-PELABUR asing mula menunjukkan minat untuk melakukan pelaburan dalam negara. Malah syarikat-syarikat gergasi dunia seperti Google dan Tesla yakin dengan kekuatan ekonomi serta hala tuju Kerajaan MADANI pimpinan Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Pelbagai kelebihan hasil pelaburan bakal dikecapi dalam jangka masa sederhana mahupun panjang yang mampu membawa perubahan bukan sahaja kepada ekonomi malah sosial negara juga.

Tinjauan *Wilayahku* mendapati rata-rata orang ramai menyatakan perasaan teruja dan amat berpuas hati dengan segala pencapaian yang telah ditunjukkan terutama sekali bagi melonjakkan ekonomi negara pasca pandemik COVID-19.

Pekerja Swasta, **Siti Nuramalina Azmi** berkata komitmen pelaburan syarikat terkemuka merupakan perkembangan positif bukan sahaja buat ekonomi negara malah secara keseluruhannya.

"Pelaburan berimpak tinggi ini

akan membawa kesan limpahan kepada ekonomi bagi tempoh tertentu selain kesan kepada sektor-sektor seperti teknologi lebih-lebih lagi negara kita sedang ke arah negara berpendapatan dan berteknologi tinggi.

"Dalam masa sama, sektor tenaga serta telekomunikasi juga akan menerima kesan positif apabila syarikat seperti Google yang akan membina pusat data yang perlu dikuasakan dengan bekalan tenaga yang sangat banyak."

"Sektor pembinaan dan hartanah akan turut menerima manfaat apabila proses membangunkan infrastruktur serta kawasan sekitarnya dilaksanakan pada masa akan datang," ujarnya.

Sementara itu, salah seorang pekerja sektor pelancongan, **Didi Ery Syaril** menyatakan selain perkembangan ekonomi, ia juga membuka ruang pekerjaan baharu yang lebih luas buat rakyat.

"Bila banyak syarikat asing datang melabur ke dalam negara,

ia menunjukkan bahawa negara tersebut mempunyai perkembangan ekonomi yang baik. Dalam masa yang sama dapat mewujudkan peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan."

"Ini dapat memberikan impak yang positif kepada sistem sosial negara. Diharapkan selepas ini pihak pelabur turut mengutamakan pekerja tempatan dengan memberi latihan kepakaran yang khusus."

"Terima kasih kepada Perdana Menteri dan Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI). Diharapkan lebih banyak pelabur dapat dibawa masuk pada masa akan datang," ujarnya.



SITI NURAMALIN



DIDI



LATIHAN ketenteraan maritim antarabangsa yang dipimpin Amerika Syarikat turut menyaksikan penglibatan tentera Israel. - Gambar hiasan

Malaysia sertai Rimpac 2024

Tindakan kerajaan tidak jejas rakyat

SEKALI lagi Perdana Menteri (PM), Datuk Seri Anwar Ibrahim dkecam serta dituduh pro Israel apabila Malaysia bakal menyertai Eksesais Rim of the Pacific Exercise (Rimpac) yang dijadual berlangsung dari 26 Jun hingga 2 Ogos ini.

Latihan ketenteraan maritim antarabangsa tersebut dipimpin oleh Amerika Syarikat selain turut serta penglibatan tentera Israel.

Malah keputusan tersebut semakin dipertikaikan apabila 15 kumpulan yang diketuai oleh pergerakan global anti-Israel di Malaysia iaitu Boycott, Divestment, Sanctions (BDS Malaysia) telah mengeluarkan

kenyataan bersama mendesak Malaysia agar menarik diri serta-merta daripada Rimpac.

Namun, menurut Anwar, Malaysia perlu mengambil pendekatan rasional malah akan menimbangkan perkara tersebut selain melihat potensi implikasinya.

"Pendirian kita adalah tegas, tiada negara lain yang selantang Malaysia mengenai isu Israel, kita menunjukkan bantahan setiap hari.

"Justeru itu, kita harus bertindak dengan berhati-hati dan bukan didorong oleh perasaan marah, malah semasa pentadbiran kerajaan Perikatan Nasional dahulu, sebuah kapal Israel telah

berlabuh di pelabuhan kita.

"Apabila kami mengambil alih kerajaan, kami adalah pihak yang menghalang kapal Israel memasuki pelabuhan negara meskipun berdepan kritikan," katanya selepas meninjau keadaan di Terminal Feri Roll-on Roll-off Labuan baru-baru ini.

Dalam masa yang sama, tindakan kerajaan tidak seharusnya menjejaskan kepentingan rakyat dan perdagangan.

"Jika kami mengikut setiap pendekatan yang dicadangkan, kami terpaksa menghentikan operasi syarikat seperti Microsoft, Google, Apple dan Facebook. Rimpac 2024 merupakan

eksesais maritim terbesar dunia yang diadakan dua tahun sekali di Hawaii dan Amerika Syarikat.

Seperti yang kita semua sedia maklum, Anwar merupakan pemimpin yang tegas dan lantang menyuarakan pendirian tentang keganasan Israel di Gaza.

Suara Malaysia tidak pernah terhenti dan perkara itu tidak perlu dipertikaikan memandangkan PM tidak pernah sesekali berganjak memandang serius isu penderitaan rakyat Palestin sejak sekian lama.

"Malaysia akan terus bersuara lantang bagi menentang kekejaman yang dilakukan terhadap rakyat Palestin," katanya. 

PM tegas tiada istilah 'tutup mata' demi kepentingan

KECOH isu pemberian kontrak Projek Rintis Demand Responsive Transit (DRT) oleh Kerajaan Selangor kepada syarikat milik bersama suami Menteri Belia dan Sukan, Hannah Yeoh.

Kes ini masih dalam siasatan. Namun apa yang tidak sedap didengar apabila ada segelintir netizen yang melemparkan tuduhan seolah-olah Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berdiam diri dan membenarkan isu tersebut hanya kerana Hannah Yeoh dari Parti DAP.

Tidak cukup itu, golongan yang tidak berpuas hati ini mula mempertikaikan ketegasan Anwar apabila seolah-olah membenarkan kontrak runding terus dilakukan suami Hannah Yeoh.

Namun tuduhan yang tidak berasas tersebut dibuktikan apabila Anwar sendiri telah memberi penjelasan bahawa tiada istilah tutup mata atau buat tidak tahu akan isu tersebut.

Faktanya, Anwar menyerahkan kuasa kepada pihak bertanggungjawab untuk menjalankan siasatan secara telus dan adil.



"Yang itu kita serah kepada *authorities* (pihak berkuasa). Kalau ada laporan, *it should be transparent in their investigations*.

"Kalau ada laporan, ada siasatan dan patut ada penjelasan. Apa prosesnya? Patut dianggap kes biasa yang patut disiasat," katanya ketika ditemui media selepas merasmikan Global Forum Islamic Economic & Finance (GFIEF) 2024 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur KLCC, baru-baru ini.

Minggu lalu, Exco Selangor,

Ng Sze Han, menyatakan Asia Mobility Technologies Sdn Bhd, adalah satu daripada dua syarikat yang dipilih untuk projek perintis DRT.

Kedua-dua syarikat itu juga sudah mendapat kelulusan Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD).

Ketua Pegawai Eksekutif Asia Mobility merupakan suami Hannah, Ramachandran Muniandy.

Berikutan itu, Hannah Yeoh mahu kebenaran dan bukti

yang sah daripada siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) terhadap projek Transit Responsif Atas Permintaan (DRT).

Menurut beliau, siasatan melibatkan suaminya, Ramachandran Muniandy, sebagai pengasas bersama Asia Mobility Technologies Sdn Bhd (Asia Mobiliti) itu disambut baik dan tidak akan mengganggu proses siasatan.

"Sekarang siasatan telah bermula, saya mahu melihat kebenaran dan bukti yang mewajarkan dakwaan untuk keluar daripada siasatan ini.

"Oleh itu, tidak wajar untuk saya mengulas kerana ia boleh ditafsirkan sebagai gangguan terhadap siasatan yang sedang dijalankan.

"Sebenarnya atas sebab inilah saya tidak berkata apa-apa lebih awal kerana pada pandangan saya cara terbaik ke hadapan dalam menangani dakwaan tersebut ialah menyerahkan kepada pihak berkuasa yang berkenaan untuk menyiasat," katanya menerusi satu hantaran di *Instagram*, baru-baru ini. 

MENARIK WILAYAHKU



KUALA LUMPUR

7/5 - 8/7/24: Pameran Ningyō @ Muzium Negara

16/6/24: Kuala Lumpur 10K Race 2024 @ Conquer The City

29 - 30/6/24: Gema Kesenian Cina Malaysia @ MaTiC

20/7/24: Quby Run @ Kepong Metropolitan Park



PUTRAJAYA

22/6/24: Conquer The Miles @ Dataran Wawasan

13/7/24: IJN Run For Your Heart 2024 @ Anjung Floria Putrajaya

27/7/24: Ecotrail Putrajaya

1 - 31/10/24: Jom #BEATNCDS 2024



LABUAN

28/1 - 30/6/24: Labuan Diving Festival 2.0

17-18/8/24: Labuan 3 Trails @ Palm Beach Resort & Spa

15/9/24: Pearl Of Borneo Run 2024 @ Labuan International Sea Sport Coomplex

Syahredzan proaktif naik taraf penduduk

AHLI Parlimen Bangi, Yang Berhormat (YB) **SYAHREDZAN JOHAN** terus berjuang demi memberikan kemudahan serta kelangsungan hidup khususnya buat penduduk di kawasan Bangi.

Kelainan dan perubahan yang ingin dilakukannya adalah bermula dengan perkara-perkara asas yang memberi perubahan dalam aktiviti harian penduduk.

Walau banyak cabaran yang harus diatasi namun perkara tersebut tidak langsung membataskan semangatnya untuk terus memberi perkhidmatan yang terbaik.

Ikuti wawancara eksklusif YB Syahredzan Johan bersama wartawan *Wilayahku*, **SYED HAZIQUE SYED NOR** bagi menceritakan detik pahit manis sepanjang berkhidmat sebagai wakil rakyat.



Apakah pencapaian YB sepanjang berkhidmat di Parlimen Bangi?

Jika diikutkan, saya baru sahaja setahun lebih menjadi seorang wakil rakyat. Walau bagaimanapun setakat ini boleh dikatakan saya mampu tersenyum dengan usaha yang telah dilakar namun masih banyak ruang yang ingin saya tambah baik dan perbetulkan.

Kalau ditanya tentang kejayaan, paling utama ialah tentang manfaat yang diperolehi rakyat setakat hari ini.

Antara manfaat yang diterima adalah Klinik Kesihatan Kajang yang telah dinaik taraf dan mampu memuatkan lebih ramai pesakit pada satu masa di bilik kecemasan.

Selain itu, kawasan-kawasan flat atau perumahan kos rendah turut dinaik taraf seperti rumah sampah dan gelanggang permainan.

Malah, pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) juga telah memberi dana untuk kita perbaiki lagi kawasan tumpuan orang ramai iaitu Taman Tasik Cempaka.

Itulah antara yang dilaksanakan kerana bagi saya kayu pengukur pencapaian yang terbaik adalah manfaat buat penduduk di sini.

Antara cabaran getir YB?

Sudah tentu cabaran itu ada, ia datang dalam pelbagai bentuk namun kita perlu bijak menanganinya. Dalam masa yang sama, cabaran juga mampu memajukan diri kita untuk berubah ke arah yang lebih baik daripada di mana kita berada sekarang.

Sebagai wakil rakyat, cabaran yang paling besar ialah bagaimana untuk saya santuni atau capai penduduk di Parlimen Bangi.

Lebih 600,000 penduduk yang mendiami kawasan Parlimen Bangi sememangnya adalah satu perkara yang sukar untuk saya berjumpa setiap seorang.

Alhamdulillah dengan era moden masa kini, di era sosial media memberi satu kelebihan yang sangat berkesan bagi saya untuk menyampaikan segala bentuk maklumat kepada penduduk.

Malahan, saya juga ada kumpulan *WhatsApp* bersama penduduk supaya mereka dapat terus memberi aduan kepada saya.

Beginilah cara saya mendekati mereka, selain turun padang melaksanakan aktiviti bersama.

Apakah fokus YB dalam membangunkan kawasan?

Jika diikutkan memang banyak perkara yang ingin ditambah baik serta yang ingin dilaksanakan. Namun, buat masa sekarang, saya hanya fokuskan pembangunan kepada perkara-perkara yang asas dahulu.

Pembangunan asas seperti menaiktaraf klinik-klinik kesihatan, taman-taman rekreasi, pusat-pusat ibadat, sekolah-sekolah, lampu-lampu jalan serta pelebaran jalan dan banyak lagi.

Kalau kita lihat, di sini banyak terbina kawasan perumahan baru, secara logiknya akan bertambah kepadatan penduduk, maka amat penting untuk saya naik taraf kemudahan-kemudahan asas ini bagi kelangsungan hidup penduduk.

Kemudian, bila perkara-perkara asas ini kita sudah beri solusi barulah kita boleh fokus perkara lain yang lebih besar.

Berapa jumlah peruntukan yang diterima serta bagaimana diagihkan?

Seperti umum sedia maklum, sebagai wakil rakyat, kita terima peruntukan sebanyak RM2 juta daripada Projek Mesra Rakyat. Kemudian daripada situ saya bersama pasukan akan agihkan kepada penduduk.

Kita beri bantuan kepada sekolah, bantu mereka lengkapkan bahan-bahan pembelajaran, bantu keluarga susah dan naik taraf segala perkara-perkara asas yang seperti saya sebut sebelum ini.

Ia perlu diberi perhatian kerana bila perkara asas ini tidak mencukupi akan memberi impak yang besar di kemudian hari.

Bagaimana YB mengatasi masalah miskin tegar?

Bantuan memang selalu diberi kepada mereka yang memerlukan dan dalam masa yang sama, kita juga mempunyai bakul makanan untuk diedarkan kepada mereka yang memerlukan.

Namun pada saya sumbangan ini hanya berbentuk sementara dan bukan bersifat *sustain*, kita bantu mereka dengan pelbagai inisiatif Kerajaan Persekutuan dan Negeri yang mampu menjana pendapatan buat mereka.

Bila sudah mampu menjana pendapatan tetap sekali gus akan membantu mereka keluar dari zon kemiskinan.

Saya boleh katakan penduduk di sini lebih kepada miskin bandar, sebab itu, intervensi daripada kerajaan perlu bagi memberi ruang bernafas kepada golongan ini.

Antaranya seperti dasar gaji progresif yang sememangnya mampu meningkatkan taraf kehidupan masyarakat bukan sahaja di sini malah seluruh negara juga.

Kesesakan lalu lintas merupakan antara isu hangat di kawasan ini, apakah perancangan YB?

Masalah kesesakan lalu lintas ini sememangnya terjadi di semua kawasan-kawasan bandar, banyak langkah yang telah diambil dari jangka masa pendek dan juga panjang bersama pihak kerajaan serta agensi-agensi.

Solusi seperti melebarkan jalan juga diambil namun statistik juga menunjukkan bila jalan sudah dilebarkan lebih banyak kenderaan akan menggunakan jalan itu.

Jadi pada saya, solusi yang terbaik ialah menggunakan pengangkutan awam, namun kita perlu atasi masalah seperti *first and last mile connectivity* ini.

Saya juga pernah bangkitkan isu ini di Parlimen tentang bagaimana ia boleh ditambah baik lagi bagi kemudahan orang ramai.

Apakah perancangan YB kepada penduduk pada masa hadapan?

Menjadi wakil rakyat adalah satu tanggungjawab yang berat kerana dipilih oleh penduduk yang meletakkan kepercayaan kepada kemampuan kita.

Ia adalah satu amanah yang perlu dipikul bagi memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada penduduk untuk semua urusan.

Jika boleh saya mahu semua penduduk berpuas hati atas perkhidmatan yang telah saya berikan kepada mereka.

Saya mahu dilihat sebagai wakil rakyat yang proaktif mendengar keluhan dan melaksanakan serta melakukan yang terbaik demi memberikan kelangsungan kehidupan buat penduduk di sini. 



Tiga elemen mampu ubah jati diri

Sedia program transformasi belia jalanan

AZLAN ZAMBRY

SELAIN memastikan infrastruktur dan kemudahan awam sentiasa dipulihara, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) turut melaksanakan beberapa fungsi penting dalam memastikan kesejahteraan keseluruhan warga kota khususnya kumpulan belia jalanan serta berisiko keciciran dalam arus kemajuan.

Pengarah Jabatan Pembangunan Komuniti dan Kesejahteraan Bandar, **Zulkifli Muhammad** berkata pihaknya telah merintis banyak usaha termasuk Program Transformasi dan Pembangunan Jati Diri yang dikhususkan kepada belia jalanan Chow Kit.

“Objektif program ini diadakan adalah untuk memberi pendedahan dalam membentuk semula jati diri dan membuka minda belia untuk menceburi bidang perniagaan dan keusahawanan.

“Selain itu, program ini dapat menghindari kumpulan belia ini dari terjerumus ke dalam aktiviti tidak sihat dan ia dapat membantu mereka merancang masa hadapan yang lebih berjaya,” katanya kepada Wilayahku pada Selasa.

Menurut Zulkifli, seramai 40 orang belia terdiri daripada Komuniti Chow Kit telah mengikuti program ini yang dijalankan selama tiga hari dua malam di beberapa kawasan di Jerantut, Pahang.

“Antara kriteria peserta adalah belia yang berusia 17 hingga 40 tahun yang tidak mempunyai pekerjaan tetap namun mempunyai motivasi untuk menjana pendapatan diri,” katanya.

Zulkifli berkata antara aktiviti yang diadakan adalah seperti lawatan ke salah satu hab agropelancongan di Ladang Anggur Kampung Temin dan Projek Ikan Sangkar Patin dan Talapia di Jerantut, Pahang.

“Peserta juga di bawa melawat ke Aza Gallery untuk didedahkan dengan aktiviti seni lukis genre kartun melalui tunjuk ajar khas dari pengasas galeri tersebut iaitu Abdul Razak Sofhi yang lebih dikenali sebagai nama pena Aza yang juga kartunis selebriti,” katanya.

Tambahnya, DBKL turut menjalankan pelbagai program dengan mensasarkan banyak golongan termasuk golongan belia di Chow Kit.



PESERTA menunjukkan bakat melukis seni kartun ketika melawat galeri kartunis selebriti Aza di Jerantut baru-baru ini.

“Program kali ini mensasarkan belia yang tidak mempunyai pekerjaan dan masih mencari hala tuju kehidupan bagi menghadapi kelangsungan hidup masa kini.

“Selain belia, DBKL turut mensasarkan program dan aktiviti kepada komuniti di Kuala Lumpur. Program yang disusun sepanjang tahun ini merangkumi segenap lapisan umur sama ada di Chow Kit dan Kuala Lumpur

keseluruhannya,” katanya.

Dalam pada itu, Zulkifli berkata pihaknya turut merancang pelbagai program setiap tahun dalam memastikan setiap golongan di Kuala Lumpur mendapat pembelaan sewajarnya daripada DBKL.

“Ada antaranya adalah anjuran secara tanggungjawab sosial korporat (CSR) bersama pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

“Antara program yang sedang dilaksanakan pada tahun 2024 adalah Kelas Pembelajaran Pengajian Al-Quran dan Fardhu Ain untuk kanak-kanak dan remaja, kelas membaca, menulis dan mengira untuk kanak-kanak dan remaja.

“Selain itu terdapat juga program menjana ekonomi seperti kelas jahit dan hidroponik untuk golongan dewasa,” katanya. 

Perkampungan haram diroboh

MESKIPUN belum dilancarkan secara rasmi oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), **Dr Zaliha Mustafa**, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) yang merupakan sebahagian daripada Pasukan Khas KL Strike Force bakal melaksanakan perobohan struktur haram yang terletak di sebuah perkampungan haram yang dibuka warga asing di Sentul.

Dalam satu kenyataan, DBKL memaklumkan tindakan itu diambil susulan daripada serbuan yang telah dijalankan ke atas perkampungan haram tersebut sebelum ini.

“Tindakan susulan yang diambil adalah dengan mengeluarkan notis penguatkuasaan tujuh hari terhadap struktur haram di kawasan tersebut bermula 30 Mei 2024,” katanya.

Menurut DBKL, sebanyak 37 notis penguatkuasaan telah dikeluarkan di bawah Seksyen 46(1) (a) Akta 133 Akta Jalan Parit dan Bangunan 1974.

“Tindakan penguatkuasaan robah akan dilaksanakan selepas tamat tempoh notis,” katanya.

DBKL berkata sebagai rekod, sebanyak 28 struktur kediaman, satu struktur surau dan tiga struktur kedai runcit milik bukan warganegara serta dua struktur

kedai barang lusuh/besi buruk dan tiga struktur kediaman milik warganegara didapati berada di atas tanah tersebut.

Terdahulu, sebidang tanah milik DBKL di Sentul yang dijadikan perkampungan haram dihuni sebahagian besarnya etnik Rohingya diserbu Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) pada 28 Mei lalu.

Penempatan tersebut turut dilengkapi kemudahan elektrik dan air serta dijadikan kampung halaman dengan bercucuk tanam dan memelihara haiwan ternakan selain mempunyai kemudahan kedai runcit sendiri.

Operasi yang diketuai oleh Ketua

Pengarah Imigresen Datuk Ruslin Jusoh telah memeriksa 123 warga asing yang terdiri daripada warga Myanmar 95 orang, warga India 21 orang selain tujuh warga Indonesia.

Warga asing ini dipercayai menyewa rumah daripada warga tempatan yang turut membekalkan bekalan elektrik kepada mereka. Mereka membayar kira-kira RM400 sebulan untuk sewaan rumah tersebut.

Warga asing terbabit tidak mempunyai dokumen perjalanan yang sah dan telah tinggal di negara ini melebihi masa. Kesemua warga asing berkenaan disiasat di bawah Akta Imigresen 1959/63. 



PENGUATKUASA DBKL memasang notis perobohan ke atas struktur haram.

SESI LIBAT URUS

IDEA BELANJAWAN DBKL 2025

Kongsikan pandangan anda berkaitan belanjawan DBKL 2025



PARLIMEN	TARIKH	TEMPAT
Cheras	1 Jun 2024 (Sabtu) 10:00 pagi	Dewan Masyarakat Taman Midah
Bandar Tun Razak	1 Jun 2024 (Sabtu) 10:00 petang	Dewan Masyarakat Damai Rasa, Alam Damai
Wangsa Maju	7 Jun 2024 (Jumaat) 10:00 malam	Dewan Masyarakat Taman Masjid Damai
Seliwangsa	8 Jun 2024 (Sabtu) 10:00 pagi	Dewan Pejabat Cawangan Seliwangsa
Batu	12 Jun 2024 (Rabu) 10:00 pagi	Pusat Komuniti Sentul Perdana
Titiwangsa	15 Jun 2024 (Sabtu) 10:00 pagi	Dewan Komuniti Desa Pandan
Seputeh	29 Jun 2024 (Sabtu) 10:00 pagi	Pusat Komuniti Sri Petaling
Bukit Bintang	6 Julai 2024 (Sabtu) 10:00 pagi	Hotel Federal Bukit Bintang
Lembah Pantai	13 Julai 2024 (Sabtu) 10:00 pagi	Pusat Komuniti Lembah Pantai
Segambut	20 Julai 2024 (Sabtu) 10:00 pagi	Auditorium Pejabat Cawangan Segambut
Kepong	27 Julai 2024 (Sabtu) 10:00 pagi	Dewan Serbaguna Jinjang Utara

SEMUA DIJEMPUT HADIR

Jalan-jalan di Kuala Lumpur



ZULKIFLI SULONG

MINGGU lalu saya dan isteri bercuti ke Kuala Lumpur. Kononnya nak *healing-healing* dan mengubah suasana hidup yang hanya terperap di Rawang. Padahal Rawang dan Kuala Lumpur hanya setengah jam perjalanan sahaja.

Ketika usia muda dahulu, hari-hari saya menghadap jem untuk ke Kuala Lumpur kerana sememangnya pejabat di Kuala Lumpur.

Apabila usia sudah melanjut dan anak-anak sudah ada kehidupan masing-masing, kami hanya tinggal berdua di rumah.

Jadi dari terperap di rumah ketika banyak jiran-jiran yang hilang kerana bercuti di musim cuti sekolah, kami memutuskan untuk bercuti ke Kuala Lumpur.

Cuti dan makan tidak boleh dipisahkan. Di samping itu, bercuti kenalah bermalam.

Memulakan acara percutian, kami makan pagi di gerai Nasi Lemak Tanglin. Wow, Kompleks Makan Tanglin sudah berubah banyak rupanya.

Gerai makan ini sudah dinaik taraf dengan suasana yang lebih segar, kerusi meja dan kemudahan yang baharu di samping bangunan utamanya sudah berubah.

Sebelum ini, kita memang ada dengar, antara langkah awal Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim selepas

mengangkat sumpah sebagai PM ialah mahu gerai-gerai makan di ibu kota dinaik taraf.

Nampaknya janji ini telah dikotakan. Kompleks Gerai Makan Tanglin sudah berubah wajah. Di samping kerusi, meja baharu, ruang makannya juga sudah lebih luas.

Yang menarik juga, sudah ada satu tapak khas untuk buskers membuat persembahan. Jadi ketika kami makan, dapatlah mendengar lagu-lagu secara *live* yang sudah menjadi perkara biasa sekarang.

Sebelum kompleks makan ini dinaik taraf, hanya seorang buskers yang membuat persembahan solo di sini tetapi sekarang sudah ada lima anggota buskers ini.

Nasi Lemak Tanglin yang kami makan juga terasa kelainannya. Isteri saya kata, 'lebih sedap.' Mungkin kerana suasananya yang lebih ceria.

Selepas makan, kami jalan-jalan di sekitar Kuala Lumpur. Kami meleret di kedai-kedai Bukit Bintang dan masuk ke pusat beli-belah utama di situ. Selepas puas berjalan-jalan kami memasuki hotel yang kami telah pesan lebih awal.

Dari tingkat 31 hotel apartmen itu, kami dapat lihat bandar raya Kuala Lumpur dan yang menariknya ada sekelompok hutan simpan di tengah-tengah bandar raya ini. Memang menarik.

Tetapi yang cacatnya, hutan ini dikelilingi oleh papan penghadang yang kelihatan sudah lusuh.

Papan ni seumpama pagar untuk satu projek yang sedang berjalan


ORANG ramai beratur untuk membeli Nasi Lemak Tanglin di kompleks gerai makan yang sudah berubah wajah.

padahal ini memagari satu kawasan hutan.

Buruk betul nampaknya padahal di dalamnya ada hutan yang cantik di tengah bandar raya. Mungkin Datuk Bandar Kuala Lumpur boleh melihat semula hal ini.

Saya yakin, kalau promo dibuat dengan lebih baik dan penjagaan hutan ini dibuat dengan lebih teliti, semakin ramai akan memasuki hutan di tengah kota ini sebagaimana Central Park yang terletak di tengah-tengah kota New York.

Pemandangan di waktu malam ibu kota Kuala Lumpur, dari hotel kami juga sangat menarik. Ia diserikan dengan hutan yang terletak di tengah-tengah kota itu. Yang menjadi tumpuan adalah

bangunan KL Tower, KLCC serta Menara 118.

Di waktu pagi esoknya, selepas membuat semakan di media sosial, kami dapati ada satu kedai makan pagi yang popular di kawasan Bukit Bintang, tempat penginapan kami ini. Namanya Banglo 289.

Ia terletak hanya lima minit sahaja menaiki kereta dari tempat penginapan kami. Apabila masuk saja ke kawasan ini, saya dan isteri terkejut. Wow ramainya orang.

Rupanya, kedai makan ini sangat popular cuma kami sahaja yang tidak tahu. Padahal ini bukan kali pertama kami mencari tempat makan pagi di Kuala Lumpur ini.

Pelbagai jenis makanan khasnya kuih-muih yang ada di sini. Saya memesan lempeng kelapa manakala

isteri saya pula nasi berlauk Kak Mah.

Lempeng kelapanya memang sedap manakala isteri saya pula berkata, "Sudah lama tak makan nasi kerabu sesedap ini."

Harganya agak mahal tetapi berbaloi dengan rasa dan suasananya.

Rupanya Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur ini memang hebat dan patutlah Kuala Lumpur menjadi antara destinasi pelancongan popular seluruh dunia.

Semoga Allah berkati Kuala Lumpur, terus maju dan makmur.

SEKADAR pandangan daripada penduduk Lembah Klang yang bercuti di Kuala Lumpur.

Henti perlekeh UiTM



Sikap buruk merokok di restoran

SEBAGAI bekas pelajar Universiti Teknologi Mara (UiTM) ketika ia masih dikenali sebagai Institut Teknologi Mara (ITM), kawan-kawan Kedai Kopi terguris hati apabila ada penulis bukan Melayu yang melabelkan UiTM sebagai akademi apartheid.

Dia juga dengan sinis menyindir UiTM lebih sesuai disebut sebagai 'Universiti untuk Melayu' kerana pada tafsirannya universiti berkenaan hanya membuka ruang belajar kepada orang Melayu sahaja.

Tulisannya ekoran rasa tidak puas hati dengan pendirian tegas UiTM yang tidak membenarkan pelajar kaum lain mengikuti kursus kepakaran dalam bidang pembedahan kardiotoraks yang ditawarkan melalui fakulti perubatan universiti tersebut.

Jelas penulis tersebut salah takrif. Hakikatnya UiTM ditubuhkan sebagai institusi pengajian tinggi (IPT) untuk Bumiputera. Skop Bumiputera lebih luas, bukan hanya Melayu. Ia merangkumi rakyat pribumi, termasuk orang Melayu dan semua anak negeri dari mana-mana antara Negeri Sabah dan Sarawak.

Penubuhan UiTM selaras dengan

Perlembagaan Persekutuan, Perkara 153:163 yang menetapkan ia sebagai institusi pengajian untuk Bumiputera. Sebarang cara atau usaha memperlekeh peruntukan ini adalah seperti menyanggah Perlembagaan Persekutuan.

UiTM bermula pada 1956 dengan nama Pusat Latihan Perindustrian dan Desa (RIDA) sebelum ditukar kepada Maktab Majlis Amanah Rakyat (Maktab MARA). Seterusnya ia berubah nama kepada ITM pada 1967. Pada 1999 ia dinaik taraf menjadi universiti.

Sudah berpuluh tahun UiTM beroperasi, menghasilkan ribuan graduan Bumiputera dalam pelbagai bidang pengajian untuk keperluan tenaga kerja peringkat pertengahan, juga peringkat pengurusan dan ikhtisas. Ia juga berjaya menempatkan diri antara universiti ulung di negara ini.

Oleh itu tidak harus wujud iri hati dengan kejayaan UiTM serta mendesak ia membuka pintu kepada bukan Bumiputera. Bukankah sudah banyak Institut Teknologi Mara (IPT) di negara ini yang memberi ruang kepada pelajar bukan Bumiputera. Kenapa UiTM dicemburui?

MEMANG sakit hati kawan-kawan Kedai Kopi melihat masih ada kelompok pelanggan premis makanan, baik restoran atau gerai tanpa rasa bersalah menghisap rokok sambil makan dan minum.

Pelakukan mereka jelas menyalahi undang-undang. Peraturan dilarang merokok di tempat awam seperti hospital, juga premis menjamu selera, sudah dikuatkuasa sejak Januari 2019. Undang-undang ini terpakai hingga kini.

Tentu para pelanggan lain sangat tidak selesa menikmati hidangan dalam persekitaran tercemar akibat kepulan asap rokok memenuhi ruang. Bagai lemas rasanya diselubungi asap, malah boleh mematikan selera.

Kawan-kawan kedai Kopi menyaksikan sendiri gelagat pelanggan yang langsung tidak peduli orang di sekeliling, bukan sahaja orang dewasa tetapi juga kanak-kanak. Kelompok perokok tegar ini menganggap premis makanan seperti milik sendiri.

Kerana itu mereka berbuat sesuka hati sedangkan perbuatan itu tidak disukai oleh

pelanggan lain. Siapa yang mahu terdedah kepada bahaya ancaman asap rokok dalam persekitaran tercemar?

Jika penghisap rokok ini tidak mahu menerima hakikat merokok membahayakan kesihatan, mereka tanggunglah sendiri akibatnya. Tetapi jangan mengheret orang lain sama menanggung akibat perbuatan mereka, terutama kanak-kanak.

Walaupun tidak senang hati, pelanggan lain hanya berdiam diri kerana tidak mahu berlaku kejadian tidak diingini jika ditegur. Bimbang juga kalau sampai bergaduh. Pilihan yang ada ialah angkat kaki.

Begitu juga pemilik premis makanan yang tidak berani menegur kerana bimbang dimarahi atau mungkin bimbang kehilangan pelanggan. Tetapi bukankah mematuhi undang-undang serta menjaga kepentingan pelanggan lain itu lebih utama?

Pihak berkuasa bukan tidak melakukan pemantauan atau penguatkuasaan. Juga bukan tidak ada tindakan diambil terhadap pesalah namun perokok tegar sudah lali. Hanya patuh jika nampak penguat kuasa.

Hidup tidak seindah drama pukul tujuh



KU SEMAN KU HUSSAIN

MENONTON drama pukul tujuh memang mengasyikkan kepada sesetengah orang. Dalamnya ada kehidupan yang penuh kemewahan, kebahagiaan dan manusianya pula kacak dan jelita. Malah semua yang dipaparkan itu hampir tidak tersingkap dalam realiti kehidupan di sekeliling kita.

Misalnya pada usia yang sangat mentah sudah memimpin syarikat korporat yang urusan perniagaannya bernilai ratusan juta ringgit. Relung kehidupan terlalu lurus dan tidak ada tentangan dalam mencapai kesenangan untuk tujuh keturunan selepas itu. Ah, mudahnya sebuah kehidupan yang terhidang kepada kita.

Hal-hal sedemikian sedikit sebanyak membuatkan khalayak di luar drama yang hidup penuh sukar berimpian menjadi seperti manusia dalam drama. Itulah yang mengisi ruang tamu khalayak yang realiti hidupnya jauh berbeza dengan dengan kehidupan dalam drama.

Kalau penggemar drama itu seorang anak muda, sedikit sebanyak teretus juga impian mahu menjadi seperti watak yang berjaya dalam kerjaya dan kehidupan.

Kalau wanita pula mulalah menganyam impian mahu menjadi individu cantik yang sering berdampingan dengan lelaki kaya dan ternama.

Bukan itu sahaja malah boleh berpelesenan dengan kereta sport mewah dan tidak lagi bergayut dalam LRT yang sesak padat sewaktu pergi atau pulang dari tempat kerja.



APA yang dipaparkan dalam televisyen hampir tidak tersingkap dalam realiti kehidupan. - Gambar hiasan

Paparan yang disaksikan itu berpotensi mempengaruhi cara sesetengah dalam kalangan kita menilai dan merangka sesebuah kehidupan.

Biarpun sesetengah pihak menganggap paparan itu sebagai 'korporat jadian' akan tetapi tanpa sedar itulah juga ruang es kapisme bagi sesetengah dalam kalangan yang kurang berkemampuan. Ruang melarikan diri daripada realiti sosial yang tidak seindah sosial fantasi dalam drama.

'Drama pukul tujuh' adalah salah satu daripada banyak lagi kandungan di stesen televisyen. Formula kandungan seperti itu mendapat sambutan daripada

penonton yang mulanya hanya mahu melarikan seketika daripada realiti hidup yang keras. Bagaimanapun tanpa sedar mereka turut membina impian apabila hal itu berulang-ulang melintas di depan mata.

Melihat dan tumpang menikmati kehidupan orang lain yang penuh kemewahan memang sangat melekakan. Akan tetapi kehidupan yang sebenar tidak semudah dan seindah yang dilihat daripada orang lain. Apa lagi hanya dalam 'dunia' drama yang dibina mengikut kehendak khalayak.

Kuala Lumpur misalnya adalah kota yang dihuni oleh pelbagai lapisan masyarakat daripada setinggi-tinggi hinggalah serendah-rendah tangga sosialnya.

Semuanya berdepan dengan tentangan serta kesukaran yang tersendiri dalam memberi makna pada sebuah kehidupan.

Hakikatnya relung kehidupan yang dilalui tidak sama dengan sesuatu yang dilihat daripada orang yang lain. Itulah unikunya kehidupan yang penuh warna-warni dan kita adalah sebahagian penggerakannya. Kalau benar paparan dalam 'drama pukul tujuh' itu sekalipun, anggaplah itu bukan kita tetapi kehidupan orang lain.

Tentu sekali tidak wajar untuk mengukur kehidupan sendiri dengan menggunakan pembaris orang lain. Tidak wajar melihat diri sendiri daripada cermin yang dimiliki orang lain. Hal itu kerana kebahagiaan atau kedukaan dalam menjalani kehidupan adalah berbeza antara seorang dengan yang lain.

Kalau tidak nampak kesukaran hidup yang dihadapi orang lain, bukan bermakna semua orang memiliki kebahagiaan dan kesempurnaan. Pada era

media sosial yang diapung atau dipaparkan adalah yang sempurna. Yang baik-baik belaka. Yang tidak sempurna hanya empunya diri sahaja yang tahu.

Pada semua zaman, kehidupan yang sebenarnya adalah keras, amat mencabar dan tidak semua yang diimpikan boleh dipetik menjadi realiti dalam kehidupan. Semuanya terpaksa melalui fasa-fasa tertentu, kecuali golongan yang sememangnya mewarisi kekayaan yang tujuh keturunan daripada datuk nenek mereka.

JADILAH REALISTIK

ITUPUN hanya sudut kekayaan, tetapi kebahagiaan adalah soal lain yang tidak dapat diukur dengan kekayaan. Banyak juga yang menjalani kehidupan yang serba sederhana tetapi menikmati kebahagiaan melampaui golongan yang lebih kaya.

Orang bijak pandai selalu meyakinkan bahawa setiap kehidupan itu ada kemanisannya biarpun tidak seperti yang diimpikan. Malah tidak semua yang diimpikan menjadi kenyataan. Sekalipun begitu kegagalan tidak sewajarnya merencatkan sesuatu yang membahagiakan.

Dalam kalangan kita, secara kasarnya terbahagi kepada dua kelompok, pertama yang realistik terhadap kehidupan yang sedang dan akan dilalui. Sama ada susah atau senang, mereka berdiri dengan penuh yakin kerana percaya hidup itu seperti roda, tidak selamanya berhenti pada satu kedudukan sahaja.

Sementara kelompok kedua adalah mereka yang terlalu ideal terhadap kehidupan. Kemudian menjadikan orang di persekitaran hidupnya sebagai cermin ukurnya.

Mereka memiliki harapan dan impian yang tinggi, tetap pantas kecewa apabila ada yang tidak menjadi kenyataan.

Mereka yang realistik mendepani kehidupan dengan melihat dunia daripada kaca mata yang lebih objektif. Menerima kenyataan yang seadanya dan menghadapi sesuatu dengan sikap yang lebih waras. Malah realistik bahawa tidak semua impian akan menjadi kenyataan.

Dalam pada itu terus berusaha berdepan tentangan dengan bijaksana dan mengambil langkah-langkah yang realistik. Hal yang demikian menjadikan mereka menghargai segala sesuatu yang dimiliki saat ini dan berusaha memperbaiki diri tanpa banyak membandingkan dengan orang lain.

Mereka yang realistik adalah golongan yang tidak pantas terpesona dengan individu yang sering memaparkan kemewahan. Kepada mereka, itu adalah kehidupan orang lain yang tidak menjadi tanggungannya. Hendak paparkan gambar membeli-belah di Pavilion sebanyak mana sekalipun, tidak menjadi masalah kepada yang berfikir realistik.

Maka tidak perlu berasa kecil dan terencil apabila melihat orang lain bergaya dengan kekayaan yang dimiliki. Sebaliknya sentiasa ingat bahawa setiap orang memiliki perjuangan dan rintangan yang tersendiri serta tidak lupa bersyukur dengan sesuatu yang dimiliki.

Kalau orang lain membeli-belah di Pavilion, makan di tempat-tempat mewah, apakah itu mendatangkan masalah kepada orang lain? Tentu sekali tidak. Lalu untuk apa sesetengah dalam kalangan kita yang tidak mampu berbuat demikian menjadikan itu sebagai masalah?

Maka untuk hidup tenang dan bahagia, kurangkan membandingkan kehidupan dengan orang lain. Biarlah 'drama pukul tujuh' dengan kehidupan watak-wataknya yang luar biasa mewahnya. Biarlah orang lain memperagakan kemewahan di media sosial kerana semua itu bukan satu kesalahan, juga bukan mendatangkan masalah kepada kita.

Anggaplah semua kemewahan yang dipaparkan itu tidak lebih sebuah album gambar. Tidak ada yang menyimpan gambar yang tidak cantik atau sempurna dalam album untuk tatapan orang lain. Begitu pula juga dengan media sosial, yang indah-indah sahaja yang dipaparkan untuk dilihat oleh orang lain.

Percayalah, hidup di kota besar seperti Kuala Lumpur tidak semudah dalam drama. Perjuangan dan tentangan selalunya bergerak seiring dalam merintis relung kehidupan yang bermakna. Berhenti bercita-cita menjadi 'orang lain' dalam membina kehidupan yang semestinya tidak sama antara satu dengan yang lain.

RAGAM KOTA



Sebarang maklumat berhubung **Editorial Wilayahku**, sila hubungi alamat tertera: **Aras 9, Blok 1, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya.**
Te: 03-8861 5260 | E-mail: editorialwilayahku@gmail.com



Bil 265 . 7-13 JUN 2024

ANXIETY!

TRAUMA!

DEPRESI!

►► 10-11



Perasaan asing menghantui diri

SABRINA SABRE & DIANA AMIR

MUNGKIN ramai yang sudah maklum berkenaan penyakit gangguan kebimbangan melampau atau lebih dikenali sebagai *anxiety attack* yang galak menyerang individu dalam berdepan kelemahan dari segi mental dan fizikal.

Jika menyentuh tentang masalah kesihatan mental, ramai yang lebih rela memilih untuk mengunci mulut dan menanggung sendiri daripada berjumpa pakar psikiatri. Ini kerana stigma yang mendalam terhadap rawatan ini belum dapat dihapuskan dalam kalangan masyarakat kita.

Kepada yang tidak mengerti, barangkali ada yang melontarkan persepsi dan komen negatif bahawa golongan berkenaan hanya 'bermain dengan perasaan' ataupun mengada-ngada, jangan terlalu skeptikal.

Jangan ambil mudah masalah kecelaruan keresahan ini kerana ia boleh memudaratkan diri sendiri dan orang sekeliling. Malah, terdapat beberapa faktor yang menyumbang kepada penyakit ini.

Menurut Pengamal Perubatan, **Dr Amalina Azmi**, *anxiety* adalah perasaan bimbang, risau atau gelisah yang sangat mendalam. Kebiasaannya, ia sukar untuk dikawal dan mungkin berkekalan untuk tempoh masa yang agak lama.

"Dari segi fizikal, biasanya *anxiety* boleh menyebabkan *muscle tension* atau kebas pada beberapa bahagian badan dan mereka yang menghadapi *anxiety* akan mudah terasa letih ekoran terlalu banyak berfikir. Mereka yang menghadapi *anxiety* juga lebih mudah untuk rasa kecewa dan marah disebabkan terlalu risau," ujarnya.

Dalam masa sama, beliau menyifatkan bahawa mereka yang *overthinking* cenderung untuk mengalami masalah *anxiety* namun tidak semestinya orang yang mengalami masalah tersebut menghadapi *anxiety*.

"Antara cara untuk mengenal pasti tanda-tanda *anxiety* adalah

apabila seseorang itu mula hilang tumpuan pada kerja, pelajaran atau aktiviti harian mereka. Sesetengah orang mungkin merasa hilang tumpuan ini adalah kerana mereka kurang kompeten namun ia sebenarnya adalah salah satu tanda *anxiety* yang serius. Tanda lain yang harus diperhatikan adalah apabila jantung berdegup dengan laju.

"*Anxiety* mempunyai kategori yang agak besar untuk diagnosis. Ada beberapa jenis *anxiety* antaranya *panic disorder* yang mana seseorang itu akan mengalami *panic attack*, kecelaruan keresahan sosial, fobia khusus (*specific phobia*) dan agoraphobia," ujarnya.

Amalina berkata terdapat beberapa ciri dan simptom yang dikenal pasti berkaitan dengan gejala ini.

"Tanda dan gejala *anxiety* adalah gelisah, berpeluh, perut memulas, sering buang air kecil atau masalah diare, sukar bernafas dan tercungap-cungap, menggeletar, otot tegang, sakit kepala, lemah dan lesu, insomnia, ketakutan, sukar untuk fokus, mudah marah, *intense* dan sering waswas, sensitif terhadap potensi bahaya, fikiran kosong dan mudah terkejut," ujar beliau.

Tambahnya, gangguan *anxiety* boleh jadi menakutkan, mengganggu dan melemahkan. Hal ini kerana banyak gejalanya yang serupa juga ditemui dalam kategori penyakit seperti jantung, masalah tiroid dan gangguan pernafasan.

"Kajian menunjukkan perasaan asing itu berlaku kerana interaksi antara faktor genetik dan persekitaran. Namun, secara umumnya terdapat beberapa lagi punca seperti stres, kurang keyakinan diri atau terlalu mementingkan kesempurnaan dan sejarah ahli keluarga yang mempunyai masalah serupa.

"Selain itu, sesetengah gaya hidup yang dipraktikkan seperti penyalahgunaan substans dan masalah kesihatan juga boleh menyumbang kewujudan gejala keresahan melampau ini," ujarnya.

Dalam masa sama, beliau berkata satu kajian komuniti di Malaysia menunjukkan sekitar lapan peratus rakyat dewasa negara ini mengalami gejala kebimbangan melampau. Oleh sebab penyakit itu tidak dapat dilihat secara fizikal, banyak kes-kes yang tidak dirawat.

"Ramai yang salah faham mengenai penyakit ini. Oleh kerana pemeriksaan kesihatan biasanya mendapati fizikal seseorang itu sihat, pesakit *anxiety* sering dianggap mengada-adakan masalah. Lebih buruk, ada yang tidak dapat sokongan ahli keluarga dan persekitaran. "Salah faham

sebegitu perlu diperbetulkan kerana sekiranya tidak dirawat, ia boleh memberi kesan jangka masa panjang pada individu itu," ujarnya.

USAH TUNGGU NYAWA MELAYANG

SESUNGGUHNYA, jangan sesekali memandang enteng penyakit *anxiety*. Sekiranya dibiarkan, nescaya, natijahnya akan mengundang masalah fizikal yang lebih teruk.

"Antara hal-hal buruk yang boleh tercetus adalah seperti mengalami pedih perut (gastrik), turun berat badan serta tekanan darah tinggi disebabkan masalah psikologi seperti rasa rendah diri, gangguan tidur dan hilang selera makan.

"Dari segi sosial pula, golongan itu berisiko tidak fokus dalam pembelajaran atau bekerja, tidak pandai berkawan dan cenderung untuk mengambil dadah atau minum alkohol yang berlebihan. Kesemua itu boleh menjejaskan kualiti kehidupan.

"Sekiranya tidak dikesan dan dirawat, pesakit boleh menghadapi tekanan hidup lebih teruk, tidak bermaya, kemurungan yang serius serta boleh mencederakan diri sendiri. Lebih teruk apabila mereka sanggup untuk membunuh diri dek kepayahan yang ditanggung.

"Ada juga boleh ke tahap sakit mental atau gila yang mana istilah perubatan berkaitan skizofrenia, kecelaruan, kemurungan keterlaluan dan kecelaruan bipolar," tambahnya.

Justeru, beliau menyarankan pesakit untuk mengendalikan tekanan dengan baik, mendapatkan sokongan persekitaran, gaya hidup yang sihat dan mengelakkan penyalahgunaan substans boleh membantu.

"Kendalikan juga konflik perhubungan dengan baik. Dapatkan pemeriksaan doktor sekiranya terdapat tanda-tanda awal kebimbangan melampau. Rawatan awal penting bagi memastikan pesakit sembuh dan dapat menjalani kehidupan normal termasuk boleh bekerja, namun mereka masih perlu mengambil ubat seperti yang disarankan doktor.

"Buat kenalan atau ahli keluarga terdekat pesakit pula, belajarlah memahami dan jangan meremehkan perasaan dan pengalaman mereka. Bantu mereka mengendalikan tekanan. Dorong mereka mendapatkan bantuan profesional sekiranya masih belum berubah demikian.

"Perlu ditekankan bahawa pesakit patut menerima penjagaan dan rawatan yang sewajarnya bagi memastikan mereka dapat menguruskan keadaan mereka. Ingatlah, tanggungjawab untuk mencegah penyakit mental bukan hanya terletak kepada badan atau perkhidmatan kesihatan mental tetapi juga pihak lain termasuk sekolah, universiti, badan profesional serta masyarakat," tegasnya. 

10 FAKTA SERANGAN PANIK

Berlaku tiba-tiba tanpa sebab atau penyebab terlalu 'trivial'

Serangan memuncak dan hilang sekejap mata

Mengalami sekurang-kurangnya 4 dari 12 simptom SERANGAN PANIK

Simptom:



Pening kepala



Mata berpinar



Nafas tidak lancar



Berdebar rasa tercekik



Sesak nafas



Seram sejuk, menggeletar

- Serangan diikuti kerisauan melampau berpanjangan akan didiagnosis penyakit panik.
- Simptom panik boleh menyerupai penyakit lain seperti masalah ritma jantung/masalah tiroid.
- Serangan teruk boleh menyebabkan hilang kepentingan dalam sosial, pekerjaan dan personaliti.



TALIAN KRISIS Pusat Kecemerlangan Kesihatan Mental Kebangsaan

SKOP TALIAN KRISIS:

✓ Kemurungan

✓ Stres

✓ Keresahan / Panic attack

✓ Khidmat nasihat kepada keluarga/penjaga pesakit mental

✓ Sokongan Post-Vention

✓ Tingkah laku bunuh diri

Perkhidmatan ini dikendalikan oleh: Pegawai Psikologi (Kaunseling)

KAMI SEDIA MEMBANTU. SILA HUBUNGI KAMI

TALIAN HEAL
15555



Beroperasi setiap hari termasuk cuti am (8 a.m. - 12 a.m)



Tiada kaitan dengan lemah iman

IRONINYA penyakit *anxiety* sering dikaitkan dengan lemahnya iman namun terdapat pelbagai faktor mempengaruhi individu yang menghidap *anxiety*.

Menurut pendakwah bebas yang juga perawat kerohanian, **Shahrin Abd Rahman**, masyarakat tidak boleh mengatakan bahawa ia berpunca daripada pesakit tersebut tidak menjaga hubungan dengan Allah.

“Kebanyakan pesakit saya adalah mereka yang bertudung labuh, berkopiah, menjaga solat, sentiasa akrab dengan majlis ilmu dan ada juga yang merupakan pelajar jurusan agama.

“Hasil daripada pengamatan saya, penyakit *anxiety* ini boleh berlaku disebabkan pelbagai faktor antaranya keturunan di mana mungkin individu tersebut mempunyai sejarah keluarga yang pernah menghidap penyakit yang sama, mengalami masalah pemakanan seperti pengambilan kafein terlalu tinggi, penyakit kronik yang menyebabkan kebimbangan berlebihan dan pengambilan ubat-ubatan terlalu banyak.

“Selain itu, keadaan sekeliling yang buruk seperti tekanan di

tempat kerja, kekurangan sokongan ahli keluarga atau rakan serta terasa terpinggir juga mendorong individu tersebut mengalami masalah *anxiety*.



SHAHKRIN

“Namun tidak dinafikan juga ia mungkin boleh terjadi disebabkan kurangnya ilmu fardu ain terutama ilmu tauhid di mana seseorang mudah hilang pedoman dalam menangani masalah kehidupan,” ujarnya.

Tambah Shahrin serangan *anxiety* sering berlaku secara tiba-tiba dan acap kali dikaitkan dengan gangguan sihir atau makhluk halus.

“Tidak dinafikan ada sebahagian daripada mereka berpunca daripada masalah gangguan jin di mana bila seseorang itu sudah lama terkena sihir yang boleh menyebabkan mereka mengalami *anxiety* dan *panic attack*.

“Penyakit *anxiety* ini bukan sahaja boleh dirawat di hospital malah ada sebahagian daripada pesakit ini yakin ia boleh dirawat dengan kaedah ruqyah dan kerohanian.

“Kebiasaannya kaedah rawatan adalah dengan pembacaan ayat-ayat Al-Quran, beberapa zikir atau wirid yang masyhur serta doa-doa dari ulama-ulama yang muktabar

namun jangan mengabaikan rawatan daripada pihak hospital kerana untuk mereka yang kronik perlu dapatkan ubat untuk mengawal penyakit itu,” ujarnya.

Mengulas lanjut, Shahrin berkata terdapat beberapa amalan yang boleh dipraktikkan dalam mengatasi masalah *anxiety* menurut Islam.

“Buat pesakit *anxiety* boleh mengamalkan bacaan isti'azah sebanyak 10 kali, Al-Fatihah, Ayat Kursi (7 kali), Al-Ikhlash (11 kali), Al-Falaq (11 kali) dan An-Nas (11 kali). Ia boleh dilakukan selepas Subuh dan Asar selama 41 hari secara berterusan tanpa tinggal.

“Selepas 41 hari amalkanlah mengikut masa yang terluang setiap hari sehingga masalah *anxiety* berkurangan atau sembuh. Ini merupakan saranan amalan untuk menguatkan rohani seseorang namun sekiranya ia semakin tidak terkawal perlulah dirujuk ke hospital,” katanya.

Jelasnya Islam menyuruh umatnya mendapatkan rawatan apa cara sekali pun selaras dengan landasan ajaran Islam (halal dan toyyiban) termasuklah rawatan moden di klinik dan hospital atau alternatif yang berpandukan ayat Al-Quran dan tiada unsur syirik dan pemujaan jin dan syaitan.

Teknik pernafasan atasi kecemasan

KEGELISAHAN sehingga menyebabkan gangguan emosi bukan sahaja mengganggu kualiti kerja, bahkan menjejaskan kehidupan peribadi sehingga menyebabkan individu yang berdepan masalah tersebut berasa tertekan.

Berkongsi pengalaman menguruskan tekanan, **Nur Syafiah Mohd Nizam**, 28, yang juga merupakan pesakit *anxiety* berkata teknik pernafasan yang betul membantu dirinya dalam berdepan serangan tidak dijangka.

“Apa yang selalu saya amalkan adalah melakukan teknik pernafasan seperti tarik nafas selama tujuh saat, tahan nafas selama empat minit dan hembuskan nafas selama lapan minit. Ia sangat membantu untuk saya kembali bertenang.

“Namun sekiranya keadaan tidak terkawal dan pernafasan semakin teruk disarankan untuk memakan ubat atau terus berjumpa dengan doktor,” katanya.

Mula didiagnos sejak Mac 2023, Nur Syafiah berkata terdapat pelbagai faktor yang mengakibatkan berlakunya serangan panik.

“Biasanya bila stres, *anxiety* akan menyusul. Kalau saya *overthinking* dan ada benda yang serabutkan fikiran membuatkan diri ini lebih berisiko tinggi untuk terkena serangan panik.

“Setakat ini orang sekeliling ada yang faham namun ada juga segelintir mengatakan itu hanya ‘drama’ untuk meraih perhatian semata-mata. Saya faham kenapa



NUR SYAFIAH

mereka beranggapan sedemikian kerana *anxiety* ini bukanlah luka yang kita nampak tapi ia sejenis penyakit mental,” ujarnya.

Dia turut mengingatkan mereka yang mengalami penyakit tersebut untuk mendapatkan rawatan pakar secepat mungkin.


“Kita tak tahu bila serangan panik seterusnya akan berlaku dan jangan malu berjumpa dengan psikiatri kerana kita bukan gila. Paling penting maklumkan kepada keluarga dan juga kenalan terdekat mengenai keadaan diri sekurang-kurangnya mereka tahu tindakan yang perlu diambil sekiranya berlaku sebarang masalah,” katanya.

Sementara itu, menurut Sharifah Kamaliah, 35, setiap pesakit berdepan dengan situasi yang berbeza.

“Kebiasaannya hal-hal berkaitan keluarga akan *trigger* serangan panik ini dan cara untuk atasinya adalah dengan mengambil ubat secara konsisten untuk mengawal diri, melakukan senaman dan elak mengambil pemakanan yang tidak bersesuaian,” ujarnya.

Mengulas lanjut, Sharifah berkata dia bersyukur dengan orang sekeliling yang cuba memahami keadaan pesakit *anxiety*.

“Pesakit *anxiety* ini banyak berfikir jadi sebagai orang yang berada di sekelilingnya perlu bijak dalam memberi sokongan moral serta menjaga percakapan agar tidak mengguris hati mereka,” pesannya.



Deruman ENJIN kembali menggegar MAS 2024

SYUQQREE DAIN
Video: HASIF HALIMI

LEBIH 500 model kenderaan dan motosikal daripada 200 jenama berjaya menggegar ruang pameran Malaysia Autoshow 2024 (MAS 2024) yang berlangsung di Taman Ekspo Pertanian Malaysia Serdang (MAEPS).

Penganjuran yang diiktiraf sebagai Autoshow Antarabangsa Terbesar di Malaysia oleh Malaysia Book Of Records (MBOR) tersebut menghimpunkan model kereta dan motosikal terkini serta akan datang.

Antara yang menjadi tumpuan pengunjung adalah jentera lumba model PROTON S70 R3 yang dilancarkan oleh jenama nasional, PROTON dan dibangunkan oleh R3 Motorsports selain kenderaan EV futuristik Tesla Cybertruck yang dihasilkan oleh syarikat Tesla Inc di mana panel badannya diperbuat daripada besi tahan karat, keras dan kalis peluru dikenali sebagai exoskeleton.

Pameran berprestij di ruangan seluas 50,000 meter persegi itu turut diserikan dengan aktiviti laluan pandu uji, trek pacuan empat roda, van perkhemahan dan sebagainya.

Terdahulu, MAS 2024 yang dianjurkan Insititut Automotif, Robotik dan IoT Malaysia (MARii) dengan kerjasama Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri Malaysia berjaya menghimpunkan peneraju automotif antarabangsa dari pelbagai negara antaranya Amerika Syarikat, Eropah, China dan Jepun.

Dirasmikan oleh Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI), Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz, acara yang berlangsung pada 21 hingga 26 Mei 2024 itu seiring dengan matlamat kerajaan dalam menjadikan Malaysia sebagai salah sebuah negara yang maju dari segi perindustrian dan pembuatan automotif bagi mempromosikan Kenderaan Generasi Seterusnya (NxGV).

Malah penekanan juga akan diberikan kepada pembangunan dan penciptaan kenderaan elektrik (EV) yang cekap tenaga, mesra alam serta lebih mampu milik di pasaran.



ZAFRUL (dua kanan) menyampaikan sijil MBOR kepada wakil MAS 2024.



PBAKL 2024 cipta sejarah tersendiri

DIANA AMIR

PESTA Buku Antarabangsa Kuala Lumpur (PBAKL) 2024 yang berlangsung selama 10 hari sudah pun melabuhkan tirainya pada 2 Jun lalu dengan penuh bersejarah apabila berjaya mencatatkan pengunjung yang paling banyak sepanjang penganjurannya iaitu 1.8 juta orang berbanding tahun sebelumnya 1.5 juta pengunjung.

Dianggarkan juga kira-kira 70 hingga 80 peratus daripada jumlah tersebut merupakan golongan anak muda sekali gus membuktikan generasi kini berminat dengan buku dan budaya ilmu.

Pengerusi Pengelola PBAKL 2024, **Mohd Khair Ngadiron** berkata perkembangan memberangsangkan itu turut dipengaruhi atas faktor cuti sekolah dan cuti hujung minggu yang membuatkan ramai tidak melepaskan peluang mendapatkan buku pada harga istimewa.

"Tambahan pula pada 30 Mei lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim turut mengumumkan pemberian baucar buku bernilai RM100 bagi pelajar tahap dua sekolah rendah, sekolah menengah hingga ke peringkat institusi pengajian tinggi (IPT) di mana ia memberikan satu rangsangan terhadap kejayaan PBAKL 2024.

"Menerusi pengumuman itu juga, semua strata dalam industri perbukuan mendapat nikmat dan menariknya, baucar yang boleh ditebus mulai 31 Mei itu turut boleh digunakan untuk membeli buku yang diterbitkan pengeluar dan pempamer PBAKL melalui

pembelian secara dalam talian.

"Pada 1 Jun 2024, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) memperuntukkan sebanyak 50,000 baucar di mana semuanya ditebus kurang lima jam dan buku itu dibeli menerusi dalam talian.

"Sebenarnya pembelian (buku) itu adalah dalam talian melalui Kota Buku Digital. Ia tidak membuat penebusan secara fizikal. Kita bukan sekadar ada pesta buku fizikal tetapi juga ada pesta buku hibrid yang menggunakan medium *Shopee* dan *TikTok*," katanya.

Mohd Khair yang juga Pengarah Majlis Buku Kebangsaan Malaysia (MKBM) berkata pihaknya sangat berterima kasih kepada Anwar berikutan beliau mengumumkan pemberian baucar buku ketika PBAKL belum melabuhkan tirainya.

"Baucar buku sangat memberi manfaat kepada ramai murid sekali gus membantu ibu bapa berjimat daripada berbelanja manakala dari segi jualan pula, hasil tinjauan mendapati berlakunya peningkatan antara 30 sehingga 50 peratus.

"Sebagai contoh, di setiap reruai mereka mempunyai penulis selain buku yang dijual terdiri daripada judul baharu yang menarik minat orang datang," katanya.



Khair berkata terdapat peningkatan permintaan terhadap buku-buku ilmiah selain novel-novel yang biasa menjadi pilihan dan ia merupakan perkembangan positif apatah lagi ramai dalam kalangan pembeli merupakan golongan muda.

"Ini kerana kebanyakan mereka berada dalam fasa matang dan mahu mencari bahan bacaan yang boleh meningkatkan tahap pemikiran. Contohnya sebuah buku terjemahan berjudul *Muhammad* yang merupakan bahan bacaan aras tinggi berjaya dijual sebanyak 80,000 naskhah.

"Malah gerai-gerai jualan bahan bacaan ilmiah seperti gerai Majlis Perundingan Pertubuhan Islam Malaysia (MAPIM) juga menjadi tumpuan pelanggan," katanya.

RINGAN BEBAN RAKYAT

PEMBERIAN baucar buku bernilai RM100 kepada murid sekolah rendah bermula twahun empat, pelajar sekolah menengah dan IPT merupakan usaha kerajaan membantu dan meringankan beban rakyat untuk mendapatkan bahan ilmiah.

Perdana Menteri menjelaskan, baucar tersebut tidak dapat diberi kepada semua pelajar sekolah rendah seperti sebelum ini memandangkan kekangan kewangan yang dihadapi kerajaan.

"Kerajaan boleh teruskan dengan baucar RM100 dan untuk tahun ini, kita mulakan dari (murid) tahun empat bagi mengurangkan tekanan kepada kewangan kerajaan.

"Ini bagi memastikan sebahagian wang itu digunakan untuk membeli buku-buku yang diusulkan dan sebahagiannya kita beri kelonggaran untuk anak-anak memilih sendiri," katanya ketika merasmikan PBAKL 2024 baru-baru ini.

Kira-kira 122,000 judul buku dengan nilai lebih RM600,000 telah ditebus melalui aplikasi DELIMA dan Kota Buku Digital setelah pengagihan baucar buku diumumkan Perdana Menteri.

Menteri Pendidikan, Fadhlina Sidek berkata ini melibatkan penebusan 56,466 baucar buku bagi peringkat Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) membabitkan murid tahun empat dan ke atas serta pelajar sekolah menengah, manakala baki 50,000 di peringkat KPT.

"Tempoh sah penebusan dan penggunaan baucar buku untuk pelajar di institusi pendidikan bawah KPM adalah dari 31 Mei sehingga 31 Disember 2024.

Pesta tersebut adalah program KPM anjuran MBKM dan Dewan Industri Buku Malaysia (MBIS) sebagai penganjur utama dan melibatkan sebanyak 972 reruai dengan 241 pempamer termasuk 14 pempamer dari luar negara antaranya dari Singapura, Thailand, Filipina, India, China, Taiwan dan Iran. 





KEMENTERIAN PENDIDIKAN

TERIMA KASIH

YAB Perdana Menteri atas kesudian merasmikan
Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur 2024

MAJLIS PERASMIAN PESTA BUKU ANTARABANGSA KUALA LUMPUR 2024



MALAYSIA
MADANI



DENGAN KERJASAMA:



KOTA BUKU



RAKAN STRATEGIK:



LOKASI RASMI:



Novel Papadom sangat sentimental

DEEL ANJER

BAGI penggemar filem ikonik Papadom, rindu pasti terubat apabila karya ulung tersebut boleh didapati dalam bentuk novel menerusi cetakan eksklusif yang baru sahaja dilancarkan di Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur (PBAKL) 2024 baru-baru ini.

Pengarah dan penerbit filem tersebut, **Datuk Afdlin Shauki** berkata, Papadom menjadi pilihan pertama untuk diabadikan dalam bentuk novel kerana kisah tersebut mempunyai nilai sentimental dan amat peribadi.

“Sebenarnya nak tulis novel ni dah lama tapi tak ada masa. Alhamdulillah, tahun lepas saya ada masa lapang sedikit untuk duduk dan tengok balik skrip filem untuk dijadikan novel.

“Jadi saya fikir, apabila saya bagi orang baca novel Papadom, mereka boleh main filem Papadom itu dalam kepala mereka sendiri sebagaimana mereka nak mainkan. Mungkin watak bapa dalam novel itu dia akan membayangkan bapanya. Setiap orang mempunyai idea kreatif masing-masing,” katanya.

Afdlin yang membawa watak seorang bapa bernama Saadom dalam filem Papadom mengaku terharu apabila mesej dalam filem tersebut sampai dan lekat di hati penonton sehingga ke hari ini.

“Dulu ketika filem ini mula-mula ditayangkan, saya menerima banyak komen. Antaranya adalah komen daripada penonton anak

dan ayah yang menonton filem itu bersama-sama.

“Anak ini beritahu, ayah dia tak pernah peluk dia tapi selepas menonton Papadom, bapa dia peluk dia. Si bapa pula menangis peluk saya. Dia kata Papadom mengingatkan dia tentang anak dan isterinya. Sebenarnya benda seperti inilah yang sangat berharga buat pembikin filem,” ujarnya.

Menurut Afdlin, watak Saadom dalam novel Papadom ini sangat dekat dengan masyarakat dan mewakili bapa-bapa yang sentiasa berada dalam dilema.

“Kita selalu membandingkan hubungan kita dengan apa yang kita tengok dalam filem. Kalau kita dekat dengan filem tersebut, itu yang membuatkan kita sokong filem itu. Dalam filem atau novel ini, heronya adalah Saadom. Perjalanan hidup Saadom, ramai bapa seperti saya, bekerja keras untuk keluarga dan kerja tak tentu masa.

“Dia nak yang terbaik untuk keluarga tapi tak jumpa keluarga, tak sempat habiskan masa bersama keluarga. Padahal dia sangat sayangkan keluarganya,” ujar Afdlin.

Tambahnya dilema seperti itu paling banyak dihadapi oleh seorang bapa di Malaysia memandangkan mereka sentiasa ingin pastikan apa sahaja yang terbaik buat anak-anak namun di sebalik itu mereka tidak dapat menghabiskan masa bersama.

“Lama-kelamaan hubungan dengan anak menjadi renggang. Jadi saya melihat novel Papadom



ini mempunyai kepentingan besar dalam masyarakat,” ujarnya lagi.

Ceritanya lagi, peranan isteri yang sentiasa menyokong suami juga amatlah penting dalam sesebuah keluarga. Dek kerana itu pengalamannya yang diterjemahkan menerusi watak Saadom ini boleh dijadikan panduan buat para bapa luar sana.

“Saya ni dulu seorang yang suka bekerja, kerja tak pernah berhenti demi mencari nafkah untuk keluarga. Iyalah, saya berasal dari keluarga susah. Ibu bapa saya orang susah. Saya generasi pertama bagi arwah ibu, arwah bapa hidup selesa dan juga keluarga. Begitu juga saya mahu buat keluarga yang saya bina ini hidup selesa.

“Papadom ini bukan pasal saya sahaja, tetapi juga bapa-bapa di luar sana. Kita buat semua ini untuk keluarga kita tapi tak jumpa keluarga. Akhirnya ada kerenggangan berlaku antara mereka dan keluarga,” katanya.

MAMADOM KE LAYAR PERAK

AFDLIN juga turut berharap agar bapa-bapa di luar sana tidak melupakan jasa dan pengorbanan seorang isteri.

“Satu ketika dulu saya bercuti bersama keluarga di Melaka. Saya tengah main *scrabble* dengan *wife* saya. Kemudian saya pandang dia, dalam hati berkata, kalau dia ni tak ada, tunggang terbalik hidup saya.

“Saya tahu pergi kerja dan balik. Pergi kerja, anak dah keluar pergi ke sekolah. Apabila balik dari kerja anak dah tidur. Jadi bila masanya nak berjumpa anak? Ini untuk bapa-bapa yang macam tu, saya syorkan bacalah buku ini atau tengoklah filem Papadom.

“Apa berlaku jika isteri tidak ada, saya zahirkan dalam Papadom.

Filem itu sangat dekat saya. Itu yang membuatkan juri-juri dan mereka yang menonton turut merasainya. Filem itu betul-betul bercakap tentang apa yang saya takut dan novel ini macam mana kehidupan Saadom apabila isteri dia meninggal dunia,” ulasnya.

Papadom telah menerima 10 pencalonan di Festival Filem Malaysia ke-22, memenangi lima anugerah termasuk Filem Terbaik sekali gus memenangi hadiah wang tunai sebanyak RM100,000. Filem ini juga menerima tujuh pencalonan di Anugerah Skrin 2010.

Sementara itu, beliau yang juga Pengerusi YWP Media Sdn Bhd berkata trilogi filem itu akan menemui peminat dengan

judul Mamadom yang dijadualkan memulakan penggambaran tahun depan.

“Mamadom akan memperlihatkan transisi anak kepada Saadom pula yang sudah menjadi ibu dan mempunyai anak serta berdepan dengan kisah kehidupannya pula.

“Saya juga berharap agar dapat mengekalkan pelakon yang sama namun semua akan dimuktamadkan kemudian,” katanya.

Sebelum memulakan penggambaran filem Mamadom, Afdlin akan muncul dalam filem arahnya iaitu Harimau Malaya yang bakal ditayangkan Julai ini dan Baik Punya Along yang dibintangi oleh Johan dan Zizan pada September ini. 





PERDANA Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim sewaktu pertemuan dengan Pesuruhjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) bagi Hak Asasi Manusia Volker Türk dan delegasi.



TIMBALAN Perdana Menteri, Datuk Seri Fadillah Yusof menerima kunjungan hormat Duta Besar Republik Brazil ke Malaysia, Tuan Yang Terutama Ary Guerra de Murat Quintella di Kementerian Peralihan Tenaga Dan Transformasi Air.



MENTERI di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa menerima kunjungan hormat Duta Republik Arab Mesir, Tuan Yang Terutama Ragai Tawfik Said Nasr ke Malaysia.



MENTERI Komunikasi, Fahmi Fadzil ketika sesi mengadap Sultan Negeri Kedah Darul Aman, Ke bawah Duli Yang Maha Mulia Al-Aminul Karim Sultan Sallehuddin ibni Almarhum Sultan Badlishah.



MENTERI Pendidikan, Fadhlina Sidek menghadiri Majlis Penutup Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur (PBAKL) 2024.



MENTERI Belia Dan Sukan, Hannah Yeoh ketika Pelancaran Akaun Satelit Sukan.

YWP, SYOK Podcast Astro jalin kerjasama

Tingkat kredibiliti yayasan bertaraf negeri

DIANA AMIR

KERJASAMA Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) dan SYOK Podcast Astro mampu meningkatkan kredibiliti YWP sebagai sebuah yayasan bertaraf negeri dan mempunyai tataurus yang baik.

Pengurus Kanan Jabatan Pembangunan Komuniti, Komunikasi Strategik dan IT YWP, **Ts. Dr Ida Harlina** berkata kerjasama bersama syarikat terkemuka seperti Astro memberi banyak manfaat kepada pihaknya dari pelbagai sudut.

"Pada mulanya pihak Astro membuka peluang dengan mana-mana agensi untuk berkongsi ilmu pengetahuan.

"Jadi kita rasakan itu adalah satu peluang yang perlu dimanfaatkan dengan sebaiknya maka terjalinlah kerjasama ini.

"Melalui kerjasama ini juga, saya percaya ia dapat membantu meningkatkan lagi jenama YWP memandangkan mereka mempunyai jumlah tontonan dan pendengar yang ramai," katanya.

Beliau berkata antara perkara yang dibincangkan selain kerjasama strategik adalah usaha memperkasakan P.E.S.A.T

(Pendidikan, Ekonomi, Sosial, Agama & Teknologi) dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

"Antaranya program Astro Zayyan yang akan diketengahkan ialah program Imam Cilik, pertandingan mengaji dan lain-lain program dakwah.

"Manakala pihak YWP pula akan menampilkan beberapa panel istimewa untuk berkongsi maklumat dan pengalaman kepada orang ramai melalui rakaman SYOK Podcast di media sosial yang dijangka akan mula bersiaran pada Ogos tahun ini.

"Jutaan terima kasih juga diucapkan kerana untuk sesi pertama ini pihak Astro memberi enam slot percuma kepada YWP dan saya percaya sekiranya mampu mencapai kumpulan sasar yang tepat, maka ia dapat membantu meningkatkan kredibiliti YWP," ujar beliau.

Tambahnya memandangkan Astro adalah satu nama yang besar maka mereka mempunyai satu sistem yang dapat mengukur berapa ramai pendengar dan tontonan untuk setiap *podcast* yang bersiaran.



SEKITAR kunjungan hormat SYOK Podcast Astro di Wisma YWP baru-baru ini.

"Dari situ kita dapat mengukur sejauh mana keberkesannya. Saya percaya ia akan memberi impak yang baik terutama dari segi pemasaran YWP dan semoga selepas ini akan ada kerjasama seperti ini juga bersama media-media lain sama ada di Malaysia mahupun antarabangsa," ujarnya.

Sehubungan itu, beliau berharap kerjasama ini dapat memperluaskan jenama dan produk YWP kepada seluruh warga kota terutamanya.

"Diharapkan selepas ini juga akan lebih ramai warga kota mengetahui bantuan-bantuan yang ditawarkan serta mendapat

pemahaman yang lebih lanjut mengenai peranan YWP itu sendiri," Ujarnya.

Terdahulu, YWP menerima kunjungan hormat daripada SYOK Podcast Astro yang diketuai oleh Ketua Unit Podcast SYOK Astro Radio, Izzat Hakimi Tajul As'ari di Wisma YWP. 

Pavilion pemenang emas dunia

DESTINASI gedung beli-belah gaya hidup ikonik di Kuala Lumpur, Pavilion Bukit Jalil dianugerahkan sebagai Pemenang Emas Dunia dalam kategori Gedung Beli-belah di Anugerah FIABCI World Prix D'Excellence 2024 baru-baru ini.

Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Pavilion REIT, **Patrick Liau Kong Voon** berkata anugerah tersebut menandakan pencapaian penting bagi Pavilion REIT serta industri rangkaian gedung beli-belah di Malaysia.

"Anugerah ini adalah bukti komitmen Pavilion Bukit Jalil terhadap kecemerlangan dalam menyediakan pengalaman membeli-belah yang tiada tandingan dan bertaraf piawai emas dalam industri Gedung Beli-Belah.

"Anugerah FIABCI World Prix D'Excellence terkenal dengan proses penilaiannya yang ketat dan prestij antarabangsa, mengiktiraf projek hartanah cemerlang yang mewujudkan kecemerlangan dalam reka bentuk, pembangunan dan kemampuan. Tahun ini, jawatankuasa penilai FIABCI Antarabangsa yang terdiri daripada lebih 60 juri dari 35 negara telah mengiktiraf Pavilion Bukit Jalil sebagai Gedung Beli-Belah Terbaik Dunia," katanya dalam satu kenyataan baru-baru ini.

Dengan keluasan sewaan

yang meliputi lebih 1.8 juta kaki persegi merentasi lima tingkat, Patrick berkata gedung beli-belah tersebut menawarkan gabungan pengalaman beli-belah mengasyikkan, termasuk pelbagai pilihan tempat makan, hiburan dinamik dan tawaran gaya hidup yang telah memikat hati berjuta-juta pengunjung.

"Pengambilalihan strategik Pavilion Bukit Jalil telah menjadi penambahan aset penting kepada portfolio kami, mencerminkan komitmen untuk melabur dalam aset berkualiti tinggi yang memenuhi keperluan pengguna yang semakin meluas," katanya.

Tambah Patrick, gedung beli-belah ini akan mencapai kadar pengisian sewaan melebihi 90

peratus menjelang akhir tahun 2024 menandakan kemampuan dan keyakinan kukuh daripada peniaga.

"Selain itu, penyewa Pavilion Bukit Jalil dijangka akan berprestasi lebih baik kerana kadar penyewaannya kini stabil. Ini akan membolehkan pihak pengurusan memberi tumpuan ke arah perkembangan gabungan runcit.

"Pengambilalihan Pavilion Bukit Jalil adalah keputusan yang tepat dengan penambahan gedung beli-belah yang memenangi anugerah Pavilion Kuala Lumpur yang juga telah memenangi emas di Anugerah FIABCI World Prix D'Excellence pada tahun 2009," katanya. 



PENGERUSI Eksekutif Pavilion Group, Cindy Lim (empat dari kiri) meraikan kemenangan di Pavilion Bukit Jalil baru-baru ini.

Lima Tokoh Pemuisi Malaysia bakal dinobatkan dalam HPM-4

BERSEMPENA Sambutan Hari Puisi Malaysia ke-4 (HPM-4) seramai lima orang tokoh pemuisi tanah air terpilih bakal dinobatkan sebagai Tokoh Pemuisi Malaysia.

Menurut Timbalan Presiden Persatuan Pemuisi Nasional Malaysia (PEMUISI), **Profesor Madya Dr Norhayati Ab Rahman**, Anugerah Tokoh Pemuisi Malaysia adalah untuk menghargai jasa serta pengorbanan tokoh-tokoh dalam memartabatkan puisi dan pemuisi tanah air.

"Ia bukanlah anugerah penulisan atau karya sastera, tetapi penghargaan kepada tokoh yang benar-benar berjasa serta berbakti kepada perkembangan puisi dan pemuisi tanah air. Anugerah ini juga diberi bagi mengenang jasa bakti mereka dalam memartabatkan bidang puisi.

"Nama-nama mereka akan diabadikan dalam satu Plak Khas PEMUISI dan nama-nama penerima baharu akan ditambah mengikut tahun.

"Maksudnya, bermula pada tahun ini dan seterusnya, anugerah tokoh ini akan diadakan pada setiap tahun, insya-Allah," katanya satu jawatankuasa khas telah dibentuk bagi pemilihan pemenang.

Program yang bakal diadakan

di Universiti Teknologi MARA cawangan Machang, Kelantan pada 13 dan 14 Jun ini, HPM-4 akan diadakan selama dua hari berbanding satu hari sebelum ini.

"Pada sebelah pagi hari pertama, kami akan adakan Seminar Puisi Mutakhir Malaysia dan di sebelah petang akan diadakan Bicara dan Diskusi Buku. Tokoh-tokoh pembentang dan pembicara bagi kedua-dua acara itu ialah Sasterawan Negara, Datuk Dr Zurinah Hassan; Adiwangsa Sukma, Datuk A Aziz Deraman; Sasterawan Kelantan Rosli K Matari; Presiden PEMUISI Dato' Wanrazuher dan saya sendiri.

"Manakala pada 14 Jun, di sebelah pagi kami akan mengadakan Penghayatan Puisi Artistik yang akan disertai tokoh-tokoh sasterawan nasional dan tempatan. Sementara di sebelah malamnya akan diadakan Malam Kemuncak Sambutan HPM: Perpaduan Kukuh, Malaysia Teguh," tambahnya.

Sementara itu, Setiausaha Agung PEMUISI, Marzalan Md Jusoh berkata pada 1 Jun hingga 7 Jun, PEMUISI telah membuka penyertaan di Facebook Pemuisi Nasional Malaysia, yang bertemakan Perpaduan Kukuh, Malaysia Teguh yang mendapat penyertaan amat menggalakkan. 



AWAS

SCAMMER

Jangan terpedaya dengan panggilan daripada individu tidak dikenali yang menyamar sebagai pegawai polis, mahkamah, atau mana-mana pihak penguatkuasa.

Tiga pasukan khas mampu cerdas semula ekonomi

Kesejahteraan rakyat fokus utama kerajaan

KHAIRUL IDIN

KESEJAHTERAAN rakyat di Wilayah Persekutuan khususnya Labuan menjadi fokus utama Kerajaan Persekutuan dalam usaha memacu semula perkembangan ekonomi, pelancongan dan pembangunan di pulau itu.

Bercakap mengenai perkara itu, Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan) **Dr Zaliha Mustafa** menyifatkan perkembangan semasa itu dapat dilihat menerusi penubuhan tiga pasukan khas yang berperanan dalam memastikan pelan dan matlamat yang digariskan dapat dilaksanakan.

Tiga pasukan khas yang ditubuhkan antaranya ialah pembinaan jambatan Labuan – Sabah, Pelancongan dan aktiviti pemindahan kapal ke kapal.

“Tiga pasukan khas ditubuhkan supaya ia dapat membantu bukan sahaja kepada ekonomi malah akan meningkatkan kesejahteraan rakyat.

“Pada akhirnya tindakan untuk mencerdaskan sektor ekonomi yang kita laksanakan dapat memberikan limpahan kepada rakyat yang merupakan tunjang utama sekali gus menjadi fokus utama kerajaan hari ini,” katanya pada sesi temubual eksklusif bersama YB di LabuanFM, baru-baru ini.

Tambah Zaliha, ia tidak akan berguna sekiranya ekonomi berjaya ditingkatkan namun rakyat tidak dapat menikmati limpahan kekayaan yang sewajarnya.



ZALIHA (kiri) bersama Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim ketika sesi lawatan ke Labuan.

Dalam pada itu, Zaliha turut memaklumkan aduan mengenai gangguan bekalan air di Labuan mencatatkan penurunan sebanyak 36 peratus dalam tempoh empat bulan pertama tahun ini.

Jelasnya, walau bagaimanapun kes aduan mengenai bekalan itu telah menurun namun kerja-kerja penambahbaikan secara berterusan perlu dilaksanakan untuk memastikan penduduk di

pulau itu mendapat menikmati kemudahan asas dengan lebih baik.

“Sebagai langkah jangka pendek pada suku tahun pertama 2024, pihak kerajaan telah menyalurkan sebanyak 1,000 biji tangki air kepada penduduk yang terjejas bekalan air,” katanya.

Dalam perkembangan berkaitan, Zaliha berkata sebanyak dua ladang solar di Tanjung

Kubong dengan kapasiti lima megawatt dan Kampung Bukit Kalam (10 megawatt) telah siap sepenuhnya di Labuan bagi meningkatkan kapasiti bekalan elektrik di pulau itu.

“Berdasarkan tinjauan dalam tempoh empat bulan lepas terdapat pengurangan gangguan bekalan air sebanyak lima peratus berbanding tempoh yang sama pada tahun lalu.

“Untuk penyelesaian isu bekalan elektrik, Perdana Menteri telah mengumumkan pembinaan loji janakuasa baharu bagi menggantikan loji sedia ada di Patau-Patau dengan kapasiti penjanaan elektrik sebanyak 100 hingga 130 megawatt.

“Secara puratanya, Labuan memerlukan kapasiti elektrik sebanyak 55 hingga 80 megawatt sehari,” katanya. 

PM ambil perhatian masalah dihadapi warga Labuan



PERUNTUKAN RM 22 juta bagi menaik taraf Terminal Feri Ro-Ro atasi kesesakan.

PENDUDUK Labuan perlu berterima kasih kepada Kerajaan MADANI pimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang berusaha keras dalam meningkatkan pembangunan dan ekonomi di pulau bebas cukai ini.

Timbalan Pengerusi Perbadanan Labuan (PL), **Simsudin Sidek** berkata komitmen kerajaan itu dapat dilihat melalui pelbagai usaha terutamanya peruntukan sebanyak RM 22 juta untuk menaik taraf Terminal Feri Ro-Ro bagi mengatasi kesesakan yang sebelum ini terpaksa dihadapi orang ramai ketika musim perayaan.

“Dengan peruntukan ini jelas menunjukkan kerajaan pimpinan Datu Seri Anwar Ibrahim mengambil peduli apa jua isu

masalah yang dihadapi rakyat.

“Pada lawatan kerja rasmi pertama beliau tahun lalu, sebanyak RM 300 juta telah diluluskan untuk mengatasi isu bekalan air. Selepas itu, aduan gangguan telah

berkurangan sebanyak 36 peratus seperti dinyatakan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), **Dr Zaliha Mustafa**,” katanya kepada *Wilayahku* baru-baru ini.

Kata Simsudin, pihaknya turut berterima kasih kepada Zaliha atas usaha keras beliau dalam mengangkat semula pembangunan dan ekonomi Labuan seperti yang dilihat hari ini.

“Dengan pelbagai pelaksanaan termasuk mewujudkan tiga pasukan khas yang telah diumumkan

sebelum ini, ia dilihat mampu memacu semula pembangunan sekali gus meningkatkan ekonomi pulau ini,” katanya.

Mengulas lanjut, Simsudin berkata beliau enggan menolak kemungkinan ada segelintir pihak yang masih tidak menghargai usaha yang dilaksanakan kerajaan.

Jelas beliau, Labuan sememangnya menghadapi pelbagai isu yang perlu diselesaikan namun ia memerlukan masa dan kajian teknikal secara terperinci sebelum ia dimuktamadkan.

“Antara isu yang sering dibangkitkan adalah pembinaan jambatan Labuan – Sabah. Saya tidak menolak kepentingan itu dan amat bersetuju jika pembinaannya dilaksanakan.

“Namun janganlah kita menolak inisiatif jangka masa pendek disebabkan isu tersebut,” katanya. 



SIMSUDIN

PPj, TNB jalin kerjasama

Bawa penjimatan sehingga RM2.5 juta

SABRINA SABRE

PERBADANAN Putrajaya (PPj) dan Tenaga Nasional Berhad (TNB) menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dan Perjanjian Bekalan Tenaga Boleh Baharu (SARE) yang memfokuskan kepada pembangunan tenaga elektrik, tenaga boleh baharu serta perkara-perkara berkaitan pembangunan bandar pintar dan bandar rendah karbon di Putrajaya.

Menurut Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), **Dr Zaliha Mustafa**, kerjasama itu merangkumi pembangunan, penyelenggaraan, penyelidikan dan latihan berkaitan tenaga boleh baharu termasuk pembangunan solar bumbung, kenderaan elektrik dan infrastruktur, tenaga berkaitan infrastruktur awam serta menjadikan Putrajaya sebagai lokasi makmal hidup (*Putrajaya as the Living Lab*) untuk teknologi berkaitan tenaga.

“Selain itu, PPj dan TNB turut bekerjasama di dalam perkongsian, analisa, perancangan dan audit data berkaitan dengan penggunaan tenaga dan tenaga boleh baharu.

“Kerjasama ini menyokong usaha kerajaan dalam Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NTER) serta beberapa pelaksanaan di Putrajaya termasuk Pelan Tindakan Bandar Pintar Putrajaya (2018-2025) dan Pelan Hala Tuju Putrajaya Bandar Rendah Karbon menjelang 2030,” katanya selepas menyaksikan Majlis Menandatangani MoU dan SARE.

Turut hadir Presiden PPj, **Datuk TPr Fadlun Mak Ujud** dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, **Datuk Ir**



ZALIHA (tengah) ketika Majlis Menandatangani MoU antara PPj dan TNB di Hotel Pulse Grande Putrajaya.

Megat Jalaluddin Megat Hassan.

Seterusnya, Zaliha berkata kerjasama ini bukan sahaja dapat mengoptimalkan impak Roadmap Putrajaya Bandar Rendah Karbon tetapi juga untuk mengembangkan inovasi serta penglibatan daripada pihak industri yang terlibat dalam pembangunan tenaga boleh baharu.

“Kerjasama itu mampu membawa penjimatan berjumlah RM2.5 juta kepada PPj bagi tempoh 20 tahun.

“Warga Putrajaya juga akan

mendapat manfaat dari segi penjimatan bil elektrik melalui pembangunan tenaga solar melibatkan premis perumahan persendirian,” ujar beliau MoU tersebut turut menyaksikan beberapa usaha ke arah tenaga hijau antaranya pemasangan 28,000 tiang lampu diod pemancar cahaya (LED) di sekitar Putrajaya dan 500 stesen pengecas kenderaan elektrik (EV) menjelang 2030.

Dalam masa sama, Zaliha berkata MoU berkenaan adalah

selari ke arah menjayakan visi C.H.A.S.E City (*Clean, Healthy, Advanced, Safe, Eco-friendly City*) yang digagaskan oleh Jabatan Wilayah Persekutuan.

Sementara itu, Ketua Pegawai Retail TNB, **Kamal Arifin A. Rahman** berkata pihaknya teruja kerana dapat berganding bahu dengan PPj dalam merealisasikan visi mencipta bandar pintar dan bandar rendah karbon di Putrajaya.

“Kami komited untuk menawarkan penyelesaian

inovatif ini yang sejajar dengan pelan mengurangkan pelepasan karbon dalam aspirasi kami untuk menjadi pembekal terunggul solusi tenaga mampan di Malaysia dan antarabangsa.

“la seiring dengan sokongan terhadap inisiatif kerajaan dalam melaksanakan Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR) bagi menjana tenaga lebih bersih dalam usaha mengukuh komitmen terhadap Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG),” ujarinya TNB juga menawarkan program-program berkaitan kecekapan tenaga bagi membantu kesemua kementerian dan jabatan di Putrajaya ke arah penggunaan tenaga yang lebih cekap di bangunan-bangunan mereka.

Sebagai permulaan Program SARE, TNB melalui anak syarikatnya GSPARX akan memasang sistem solar berkapasiti 363 kilowatt (kWp) di Kompleks PPj dan lapan lagi bangunan utama antaranya Taman Ekuestrian Putrajaya dan Kelab Tasik Putrajaya yang dijangka siap awal tahun depan.

Di samping itu, GSPARX turut menawarkan tawaran promosi khas solar untuk 200 kediaman (*residential solar*) kepada warga Putrajaya yang ingin menggunakan tenaga hijau di samping menikmati penjimatan bil elektrik.

Promosi akan berlangsung selama dua bulan bermula 1 Jun hingga 31 Julai ini melalui tiga kaedah permohonan iaitu secara fizikal di Kedai Tenaga Putrajaya, melalui telefon di talian **010-337 6769/011-3646 3837** atau e-mel di retail.putrajaya@tnb.com.my. 

PCAP 2030 sokong pengurangan karbon di Malaysia

PIHAK Perbadanan Putrajaya (PPj) sentiasa komited dalam usaha memastikan Putrajaya menjadi sebuah bandar mampan dan bandar hijau karbon rendah bertaraf dunia dalam semua aspek menjelang tahun 2025.

Komitmen PPj dibuktikan dengan pelbagai inisiatif dan program yang dilaksanakan dari dahulu sehingga sekarang. Buktinya pihak berkuasa tempatan (PBT) itu turut melaksanakan Program Bicara Ilmu Bandar Rendah Karbon baru-baru ini dalam usaha merealisasikan Putrajaya sebagai bandar rendah karbon.

Menurut Presiden PPj, **Datuk TPr Fadlun Mak Ujud**, objektif utama program tersebut diadakan bertujuan untuk berkongsi ilmu dan perkembangan terkini seperti tindakan, dasar, polisi dan insentif rendah karbon yang dilaksanakan di Malaysia dan luar negeri.

“Maklumat yang disampaikan oleh para penceramah hebat



PELBAGAI inisiatif telah dilaksanakan dalam merealisasikan Putrajaya sebagai bandar rendah karbon.

iaitu Pengarah Kanan Bahagian Pembangunan Industri, Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI), **Meenachi A/P Muniandy** dan Timbalan Pengarah Jabatan Perancangan dan Pembangunan Industri Suruhanjaya Tenaga (ST), **Mohd Hafiz Jamalludin** adalah penting sebagai pengetahuan asas kepada Pengurusan Tertinggi

Perbadanan dan ahli-ahli *task force* Putrajaya bandar rendah karbon dalam merangka dan mengkaji semula inisiatif semasa di Putrajaya.

“Penceramah daripada agensi pakar telah meluangkan masa berkongsi status dan kaedah pelaksanaan polisi dan insentif berkenaan rendah karbon di Malaysia,” ujar beliau.

Dalam masa sama, **Fadlun** berkata pihak PPj telah pun merangka Pelan Tindakan Perubahan Iklim 2030 (PCAP 2030) pada tahun 2022 untuk menyokong pencapaian sasaran pengurangan karbon yang ditetapkan dalam Pelan Induk Bandar Rendah Karbon (NLCCM) iaitu sebanyak 33 peratus menjelang tahun 2030.

“Susulan daripada itu, satu *roadmap* pelaksanaan juga telah disediakan sebagai panduan pelaksanaan dari segi *timeline* dan pencapaian sasaran mitigasi bagi inisiatif yang telah dikenal pasti oleh ahli-ahli *task force* PPj,” ujarinya.

Selain itu, beliau berkata sejumlah 147 inisiatif yang sedang dan akan dilaksanakan berdasarkan enam tema tindakan iaitu tenaga; perancangan bandar dan peraturan bangunan; biru dan hijau; mobiliti; komuniti serta tindakan daya tahan iklim.

“Kami amat berbesar hati

kerana dapat menjemput dua orang penceramah daripada agensi pakar iaitu MITI dan ST untuk berkongsi maklumat berkenaan ‘Carbon Pricing Instruments’ dan ‘Corporate Green Power Programme (CGPP)’.

“Dua agensi ini adalah antara agensi pelaksana polisi dan tindakan berkait rapat dengan rendah karbon di Malaysia.

“Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada ahli-ahli *task force* Putrajaya bandar rendah karbon di atas kesudian untuk meluangkan masa menghadiri bicara ilmu baru-baru ini.

“Semoga taklimat yang disampaikan dapat membantu ahli-ahli *task force* PPj dalam meningkatkan pemahaman dalam kedua-dua topik tersebut seterusnya menyumbang kepada pencapaian sasaran pengurangan karbon dan sebagai sebuah bandar model rendah karbon di Malaysia,” ujarinya. 

Program pembangunan sukan

Kaji keperluan rombak peruntukan geran

SABRINA SABRE

KEMENTERIAN Belia dan Sukan (KBS) melalui Majlis Sukan Negara (MSN) akan mengkaji semula sekiranya terdapat keperluan merombak peruntukan geran kepada program pembangunan sukan terutamanya apabila mereka dilihat tidak mencapai prestasi memuaskan.

Menteri Belia dan Sukan, **Hannah Yeoh** berkata empat program tersebut ialah Program Pembangunan Bola Sepak Negara (NFD), Program Pembangunan Bola Jaring Negara (NNDP), Program Pembangunan Ragbi Negara (NRDP) dan Program Pembangunan Hoki Negara (NHDP).

“Di peringkat MSN kita ada NFD, NNDP, NRDP dan NHDP. Setiap tahun, empat jenis sukan ini telah menerima geran daripada MSN untuk pembangunan bakat di peringkat akar umbi.

“Tetapi ada banyak sukan lain telah meminta dan zaman sudah berubah, sekarang kita ada jawatankuasa di MSN untuk mengkaji bajet sama ada memadai atau tidak serta keperluan rombak semula atau ditambah lagi juga sedang dikaji,” ujar beliau.

Dalam masa sama, Hannah sekali lagi mengulangi pendirian kerajaan untuk memberi tumpuan kepada model pembangunan bakat bagi sukan tempur, olahraga dan renang yang dilihat berpotensi

untuk menyumbang pingat kepada negara ketika menyertai kejohanan di dalam atau luar negara.

Pada 30 Mei tahun lepas, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi berkata satu jawatankuasa peringkat tertinggi (HLC) diwujudkan dengan melibatkan kerjasama KBS, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dan Kementerian Pendidikan (KPM) bagi memberi tumpuan kepada tiga sukan berkenaan.

Sementara itu, Presiden Majlis Olimpik Malaysia (MOM), Tan Sri Mohamad Norza Zakaria turut menyokong keputusan KBS untuk berbuat demikian dengan memastikan peruntukan diberikan berlandaskan petunjuk prestasi utama (KPI) terutamanya apabila Malaysia dijangka menjadi tuan rumah Sukan SEA 2027.

“Dari segi peruntukan, tentu saja ia merupakan hak KBS ataupun MSN dan tentu saja MSN yang menggunakan duit kerajaan, memikirkan tentang pulangan dari sukan yang terlibat,” ujarnya.

Temasya terbesar sejak kali pertama diadakan pada tahun 1952 itu akan disertai 1,000 peserta bagi tujuh acara dipertandingkan iaitu hoki, bola sepak, badminton, bola jaring, golf, dart dan snuker.



RAGBI antara sukan yang telah menerima geran daripada MSN untuk pembangunan bakat. Foto: MRU



PASUKAN sepak takraw negara meraikan kejayaan muncul juara acara regu dan beregu pada Kejuaraan Piala Dunia Sepak Takraw Kuala Lumpur 2024.

Terima durian runtuh RM170,000

PASUKAN sepak takraw kebangsaan bakal menerima insentif khas berjumlah RM170,000 daripada Majlis Sukan Negara (MSN) susulan kejayaan membanggakan pada Kejohanan Piala Dunia Sepak Takraw 2024 yang berlangsung di ibu negara baru-baru ini.

Menurut Menteri Belia dan Sukan, **Hannah Yeoh**, MSN telah meluluskan pemberian insentif berjumlah RM60,000 masing-masing kepada pasukan regu dan double susulan kejayaan muncul juara.

“Untuk regu berpasukan yang bergelar naib juara pula menerima RM50,000 pada saingan yang berlangsung di Stadium Titiwangsa.

“Kejayaan di Kejohanan Piala Dunia Sepak Takraw 2024 amat besar maknanya untuk rakyat Malaysia dan

pemain pula bekerja keras menang emas,” ujar beliau.

Pada 22 Mei lepas, skuad sepak takraw kebangsaan mencipta sejarah menamatkan penguasaan Thailand selepas menewaskan mereka pada pertandingan akhir acara regu dan double masing-masing dengan keputusan 2-0.

Penantian 33 tahun skuad sepak takraw negara untuk muncul juara acara regu berpasukan pula terus berpanjangan selepas tewas kepada Thailand 1-2 dalam aksi final pada 26 Mei.

Dalam pada itu, Hannah berkata MSN masih lagi berbincang mengenai kemasukan semula sepak takraw sebagai sukan teras seperti diminta Presiden

Persatuan Sepaktakraw Malaysia (PSM), Datuk Mohd Sumali Reduan sebelum ini.

Sepak takraw bersama angkat berat dan taekwondo merupakan tiga sukan digugurkan MSN daripada senarai sukan teras negara pada 2017 berikutan prestasi buruk serta tidak menunjukkan peningkatan berdasarkan semakan semula termasuk kajian mendalam terhadap prestasi ketiga-tiga sukan itu sejak 2007.

Mengenai permintaan berhubung pembinaan stadium khas untuk sepak takraw, Hannah mencadangkan supaya PSM bersama persatuan sukan lain bekerjasama dengan institusi pengajian tinggi untuk menggunakan kemudahan mereka termasuk untuk tujuan latihan.



E-sukan negara terima sokongan kerajaan

INDUSTRI sukan elektronik (e-sukan) negara menerima khabar baik apabila Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi mengemukakan bahawa kerajaan akan meneruskan sokongan kepada peserta dan penggiat sukan tersebut.

Ahmad Zahid yang menghadiri Grand Final Mobile Legends: Bang Bang Professional League (MPL) Malaysia Musim 13 di Serdang baru-baru ini berkata beliau akan mendapatkan pengiktirafan kepada industri e-sukan di peringkat Kabinet.

“Sebagai Pengerusi Jawatankuasa Kabinet Pembangunan Sukan (JKPS), saya akan membawa pengiktirafan sukan ini di peringkat Kabinet,” katanya dalam satu kenyataan yang dikeluarkan oleh penganjur MPL Malaysia, MOONTON Games.

Pada perlawanan akhir, Selangor Red Giants mengatasi juara bertahan Homebois, 4-2 dan mengesahkan penampilan sulung mereka di Piala Pertengahan Musim MLBB (MSC) 2024.

Keputusan itu menyaksikan Homebois bersaing dengan tujuh pasukan di peringkat wild card MSC 2024 bagi memburu satu slot di pertandingan utama.

Justeru, Ahmad Zahid menghantar mesej semangat kepada Selangor Red Giants dan Homebois sebelum mereka mewakili negara dalam MSC 2024.

“Ukirkan nama Malaysia yang cemerlang di persada antarabangsa,” ujar beliau.

Kawal emosi mampu cegah penderaan

PENDERAAN

Kanak-kanak adalah satu pencabulan atau pelanggaran yang serius terhadap hak mereka untuk berkembang dalam keadaan sihat dan bermaruah.

Ia boleh dikategorikan kepada penderaan fizikal,

emosi, seksual dan pengabaian. Kesemua pembentukan yang dialami oleh anak kecil akan dipengaruhi kuat oleh keadaan di sekelilingnya dan boleh menjadi kekal.

Disebabkan hal tersebut, impak penderaan kanak-kanak mampu meninggalkan tekanan

trauma sepanjang hidup. Masyarakat dari pelbagai lapisan begitu memandang serius terhadap perkara ini.

Bersama wartawan **Wilayahku, DEEL ANJER** mengupas isu penderaan kanak-kanak bersama selebriti popular.

Cari kekuatan diri

PELAKON dan usahawan terkenal, **Wawa Zainal** mengakui dia pernah berhadapan dengan kerenah anak-anak dalam keadaan emosi yang kurang stabil.

“Terutamanya ibu-ibu muda, kadang-kadang mereka tidak dapat kawal emosi apabila berhadapan masalah yang mengganggu fikiran.

“Mereka tak pernah jaga anak. Ditambah pula ada anak yang kelainan upaya dan autisme. Kalau anak yang normal pun ada yang tak sabar layan kerenah, apatah lagi yang istimewa ini.

“Jadi mereka memerlukan kesabaran yang sangat tinggi. Sebab itu cadangan Wawa, kalau mereka (ibu bapa) rasa penat sangat sama ada dari segi emosi atau fizikal, kalau budak menangis, biarkan sahaja dia menangis.

“Jangan sampai kita angkat tangan (pukul) disebabkan tidak sabar dengan mereka. Rasa letih atau penat itu, tak boleh nak elak sebab kita juga manusia biasa.

“Kalau anak beragam, menangis atau bergaduh sesama mereka, biarkanlah dulu. Bimbang nanti kita akan pukul mereka disebabkan kita juga dalam keletihan.

“Kadang-kadang kita tak tahu setakat mana kesabaran kita. Bimbang emosi kita tak stabil dan di luar kawalan,” ujarinya.

Wawa turut mengakui pernah berhadapan situasi di mana anaknya menangis, dalam masa yang sama dirinya baru sahaja pulang daripada kerja.

“Tips yang saya bagi itu adalah kerana saya sebagai ibu pernah melaluinya apabila menjaga anak-anak yang masih kecil dan tiada pembantu rumah. Ketika itu saya masih bekerja, suami pun bekerja cari rezeki untuk keluarga. Memang penat sangat.

“Jadi apa yang kita boleh buat macam saya cakap tadi, bila kita sedang emosi tak stabil. Jangan dekati anak yang sedang menangis atau buat perkara yang boleh buat kita marah.

“Anda pergilah rehat di ruang tamu atau buatlah apa-apa yang perlu. Apabila emosi sudah stabil, barulah tengok anak dan peluk mereka. Selepas pujuk hati supaya bersabar dan emosi kita dah stabil, insya-Allah, kita takkan pukul anak,” ujarinya.



Tingkat kesedaran pendidikan

PELAKON jelita **Mas Anizan** berpendapat pendidikan tentang isu penderaan kanak-kanak perlu mendapat sokongan banyak pihak agar kesedaran hal ini sentiasa meningkat.

“Anak adalah anugerah dan amanah Tuhan kepada mereka yang telah mendirikan rumah tangga. Tanggungjawab untuk membesarkan mereka dengan penuh kasih sayang perlu dilaksanakan oleh ibu dan bapa.

“Namun apabila sering berlaku kes penderaan terhadap kanak-kanak, sudah tentu ia sesuatu yang sangat menyedihkan. Anak-anak sepatutnya dilindungi, bukan didera sesuka hati,” katanya.

Menurut Mas Anizan, banyak cara untuk mencegah isu tersebut daripada terus berleluasa.

“Antaranya adalah memberikan pendidikan tentang penderaan kanak-kanak kepada orang ramai. Seperti kita sedia maklum, ia boleh berlaku di mana-mana sahaja sama ada semasa mereka bersama keluarga, di pusat jagaan atau di sekolah.


“Jadi untuk mencegahnya maka pendidikan melalui media cetak dan juga media sosial adalah mustahak dan perlu diberi perhatian yang serius.

“Sebagai contoh, pesanan khidmat masyarakat di ruangan iklan siaran televisyen oleh animasi terkenal yang memberitahu kanak-kanak apa itu penderaan dan bagaimana cara untuk membuat aduan,” ujarinya.

Tambahnya, bantuan selebriti atau pempengaruh untuk bercakap soal ini juga diperlukan kerana penderaan terhadap kanak-kanak tidak pernah berhenti.

“Kaedah ini sedikit sebanyak dapat mencapai golongan yang berisiko seperti kanak-kanak untuk mengetahui bahawa mereka sebenarnya didera dan boleh meminta pertolongan.

“Pendek kata, memberi pendidikan tentang penderaan kepada kanak-kanak dapat membendung penderaan daripada berlaku kepada mereka,” ujarinya.



Jangan malu dapat khidmat kaunseling

PENYANYI Lan solo

menyarankan agar ibu bapa yang mempunyai masalah tekanan perasaan atau jiwa perlulah mendapatkan khidmat kaunseling agar dapat mengelakkan daripada terjebak dengan penderaan.

“Tingkah laku yang tidak waras ini sering berlaku kerana ibu bapa hilang pertimbangan dan bertindak untuk melepaskan marah atau geram kepada anak yang masih lagi tidak mengenal erti kehidupan.

“Penderaan ini perlu

dihentikan dan dicegah agar masyarakat kita menjadi lebih baik daripada sebelum ini. Antara langkah untuk mengatasi masalah penderaan kanak-kanak adalah dengan membudayakan perkhidmatan kaunseling untuk semua lapisan umur masyarakat.

“Jika dinilai, kebanyakan kes penderaan berlaku disebabkan oleh pendera mempunyai masalah kesihatan mental atau tekanan jiwa. Tekanan ini berpunca dari pelbagai sebab,” ujarinya.

Untuk itu, masyarakat harus bersifat terbuka menggalakkan mereka yang mempunyai masalah tekanan ini untuk mendapatkan kaunseling.

“Jangan takut atau malu. Akibat daripada memendam masalah akhirnya diri sendiri tertekan. Ini boleh menyebabkan mereka boleh bertindak di luar kawalan oleh kerana tidak mampu lagi untuk berfikir secara rasional.

“Justeru, setiap kita sebenarnya berhak untuk mendapatkan perkhidmatan

kaunseling untuk meluahkan masalah dan tekanan yang ditanggung oleh diri sendiri. Dengan kepakaran seorang kaunselor, pastinya fikiran seseorang yang berada dalam tekanan dapat ditenangkan dan menjadi lebih rasional dalam setiap tindakan yang diambil.

“Insya-Allah, jika setiap kita memainkan peranan untuk mendengar dan memahami setiap permasalahan yang dihadapi, pasti masalah ini dapat dielakkan,” tambahanya.



Cari kekuatan diri



Kaji keperluan rombak
peruntukan geran



Ibadah korban tanda kesyukuran

Desakan hidup membolehkan daging dijual

SYED HAZIQUE

SETIAP tahun pada tanggal 10 Zulhijah, umat Islam akan merayakan perayaan terbesar dalam kalendar umat Islam iaitu Hari Raya Aidiladha yang juga dikenali sebagai Hari Raya Haji atau Hari Raya Korban.

Perayaan tersebut sinonim dengan ibadah korban di mana ketika itu, umat Islam yang berkemampuan akan mengambil kesempatan untuk melakukan ibadah korban sebagai tanda kesyukuran atas rezeki yang Allah SWT kurniakan selain mengingati peristiwa pengorbanan Nabi Ibrahim AS dan anaknya Nabi Ismail AS.

Seperti yang kita sedia maklum, bukan semua mampu melakukan ibadah tersebut kerana ada insan yang hidup susah dan hanya menanti agihan daging korban. Fakir miskin dan memerlukan inilah golongan yang paling utama untuk menerima.

Di sebalik itu, insan yang serba kekurangan dan bergelumbang dengan kesukaran hidup ini kadang-kadang terpaksa menjual daging korban yang diterima untuk sebarang keperluan lain yang mendesak.

Namun terdapat persoalan yang bermain di fikiran masyarakat, adakah daging yang diperolehi boleh dijual serta apakah perspektif Islam tentang keadaan tersebut.

Berkongsi pandangan, Pengerusi Persatuan Ulama Malaysia cawangan Wilayah Persekutuan, **Datuk Mohamad Abdullah** berkata menjual daging korban adalah haram namun terdapat beberapa situasi yang dibenarkan.

“Hakikat dan tujuan korban ialah untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT melalui ibadah korban dengan mengorbankan sesuatu untuk dirasai oleh orang lain bukan mengorbankan sesuatu untuk kepentingan diri sendiri.

“Justeru itu, hukum menjual daging korban yang diperolehi adalah haram, malah lagi tidak sah peserta korban menjual daging tersebut.

“Walau

bagaimanapun, fakir miskin yang menerima daging korban boleh mentasarruf daging korban itu dengan menjualkannya. Jika penerima daging korban golongan yang kaya maka dilarang untuk menjual kembali. Manakala jika penerima daripada golongan miskin perbuatan tersebut dibenarkan,” tegasnya.

Mengulas lanjut, ibadah korban merupakan satu ibadah (*Ta'abbudi*) yang amat mulia di sisi Allah SWT. Di dalamnya terkandung pelbagai hikmah. Sejarah bermula pada zaman Nabi Ibrahim AS ketika peristiwa penyembelihan anaknya Nabi Ismail AS yang telah



MOHAMAD



PILIH haiwan sembelihan terbaik untuk ibadah korban. - Gambar hiasan

digantikan dengan seekor kambing dengan kuasa Allah SWT.

Mengikut istilah fiqh, qurban (*Al-Udhiyah*) bermaksud menyembelih haiwan tertentu sama ada unta, lembu atau kambing dengan niat mendekatkan diri kepada Allah SWT, pada waktu tertentu iaitu bermula setelah selesainya Solat Hari Raya Aidiladha (10 Zulhijah) dan pada hari-hari Tasyriq (11,12 & 13 Zulhijah).

Perintah berkorban telah

disyariatkan oleh Allah kepada kita pada tahun ke-2 Hijrah bersamaan dengan perintah solat sunat Aidiladha dan zakat.

Firman Allah SWT yang bermaksud: “Maka solatlah kamu untuk Tuhanmu dan menyembelihlah.” - Surah Al-Kautsar, ayat 2.

Menurut pendapat yang masyhur, maksud solat pada ayat itu ialah solat Aidiladha dan yang dimaksudkan dengan menyembelih ialah berkorban.

Ibnu Jarir mentafsirkan ayat tersebut sebagai berikut:

“Jadikanlah solatmu ikhlas hanya untuk Allah sahaja dengan sama sekali tidak mengharapkan kepada selain daripada-Nya. Demikian juga korban yang kamu tunaikan, niatkanlah hanya untuk Allah, tidak untuk berhalal, sebagai kesyukuran terhadap apa yang dianugerahkan Allah kepadamu yang tidak terhingga banyaknya.”

Mohamad berkata hukum melakukan ibadah korban adalah sunnah muakkadah, melainkan menjadi wajib atas dua sebab.

“Pertama, apabila seseorang mengisyratkan binatang kepunyaannya yang boleh dijadikan korban sambil berkata: Inilah korbanku atau aku akan korbankan kambing ini. Maka dia wajib melakukannya.”

“Kedua, apabila seseorang berazam hendak melakukan korban untuk taqarrub kepada Allah dengan berkata: Aku mewajibkan diriku berkorban kerana Allah. Lantas menjadi wajib kepadanya melakukan korban dengan nazar,” ujar beliau ketika dihubungi.

Tambahnya terdapat lima syarat bagi melaksanakan ibadah korban.

“Yang pertama ialah mesti beragama Islam; kedua, baligh; ketiga, berakal; keempat, berkemampuan; kelima, merdeka (bukan golongan hamba).

Amat penting dalam mematuhi syarat-syarat tersebut dalam melaksanakan ibadah korban,” jelasnya.

t.me/wilayahku



IMBAS KOD QR



SERTAI SALURAN TELEGRAM

WILAYAHKU

UNTUK MENDAPATKAN BERITA
DAN INFORMASI TERKINI!

